

---

**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2,  
BANGUNAN PARLIMEN**

**JUMAAT, 11 November 2011**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir:**

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
[*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*] - *Pengerusi*

YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]

YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]

YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]

YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]

YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]

YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]

YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha  
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I  
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II  
(Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

Encik Shafie bin Taib [Pengarah]

Encik Hamzah bin Mohd Noor [Penolong Setiausaha]

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha]

*samb-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Haji Wahab bin Mohd Yasin [Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan]  
Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian  
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]  
Puan Rafidah binti Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Puan Yuslina binti Kamarudin [Penolong Setiausaha]  
Encik Muhamad Sade bin Mohamad Amin [Setiausaha Bahagian  
(Bahagian Parlimen dan Kabinet)]  
Puan Siti Nursyahirah binti Mustafa [Penolong Setiausaha]

**Jabatan Pendaftaran Negara**

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah  
(Jabatan Pendaftaran Negara)]  
Encik Md. Solehan bin Omar [Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]  
Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]  
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Kad Pengenalan]  
Encik Zakaria bin Awi [Ketua ICT]  
Puan Laila binti Abdul Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]  
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]  
Encik Tuliman bin Sardam [Pem. Pendaftaran Bahagian Kewarganegaraan]

**Polis Diraja Malaysia**

ACP Mazudi bin Abd. Rahman [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah]  
Encik Omar bin Ismail [Inspektor]  
Encik Shahril Azwan bin Yussoff [Inspektor]

**Kementerian Pertahanan**

Brigadier General Nazri bin Abu Bakar [Pengarah]  
Lt. Kol. Hamdan bin Yaccob [Pengurus ICT]  
Encik Luqmannulhakim bin Mohamad Zoris [Penolong Setiausaha (Parlimen)]  
Puan J. Indra a/p C. Jeyarajah [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen)]

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

Tuan Haji Zaharin bin Haji Zainudin [Timbalan Setiausaha]  
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalil [Ketua Penolong Pengarah]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Ismaturi bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]  
Encik Daniel Dajin [Penolong Penguasa]  
Encik Han Chee Rull [Timbalan Pengarah Siasatan]

**Kementerian Luar Negeri**

Y.Bhg. Dato' Mohd Zamri bin Mohd Kassim [Setiausaha Bahagian]  
Encik Dzulkefly bin Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha]  
Encik Aneurin Ignatius [Penolong Setiausaha]  
Encik Ahmad Rozian bin Abd. Ghani [Setiausaha Bahagian Penerangan dan Diplomasi  
Awam]

---

**SAKSI (PENDENGARAN AWAM)****Majlis Belia Selangor**

Encik Badrul Hisham bin Badrudin [Timbalan Presiden]  
Encik Haris Azwan bin Abdul Aziz [Ahli Majlis Tertinggi]  
Encik Azwan bin Dato' Mat Yasir [Ahli Majlis Tertinggi]  
Encik Mohd Izzuddin bin Mohamad Razali [Ahli]

**Malaysian Chinese Association (MCA)**

YB. Datuk Ei Kim Hock [Ahli JK Tinggi Pusat]  
YB. Senator Chiew Lee Giok [Setiausaha Agung Wanita MCA]  
Encik Loh Chew June [Penolong Setiausaha Agung Pemuda MCA]  
YBhg. Datuk Theng Bok [Ketua Biro Pengaduan dan Perkhidmatan Awam, Negeri Johor]  
Encik Raymond [INSAP]

**Transparency International - Malaysia**

YBhg. Datuk Paul Low Seng Kuan [Presiden]  
Encik Alan Kirupakaran [Pengarah Eksekutif]  
Encik Josie Fernandez [Setiausaha Agung]  
Encik Joseph Tong Wai Kin [Pegawai Integriti]

**Society of the Blind**

Encik Loh Kong Ken

**Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia**

Encik Abdul Mohamed bin Md Gani [Ketua Cawangan]  
Tuan Haji Ismail bin Hamid [Timbalan Ketua Cawangan]  
Tuan Haji Mohd Aziz bin Mohd Yusoff [Ahli]  
Encik Sharudin bin Yussof [Ahli]  
Tuan Haji Yahya bin Abd. Wahab [Ahli]  
Tuan Haji Mohd. Nor Majid [Ahli]  
Tuan Ismail bin Kadim [Ahli]  
Encik Balasubra Maniam a/l Seevaratnam [Ahli]  
Encik Jaafar bin Kechut [Ahli]  
Encik Mohd Zainan Yunus [Ahli]

**Putera MIC Selangor**

Encik Dhinesh Thinakaran [Ketua Pergerakan Putera MIC Negeri Selangor]  
Encik Arvind Keishnan [Timbalan Ketua]  
Encik Prevanan [Timbalan Setiausaha]  
Dr. Venkates Rao [Ahli]  
Encik S. Loganathan [Ahli]  
Encik Logarajah Vassu [Ahli]  
Encik Mano [Ahli]  
Encik P. Kunaleesagaran [Ahli]

**Persatuan Bantuan Kebajikan dan Keadilan Selangor (JAWASS)**

Encik LP Selvam [Pengerusi]  
Encik Michael Soosay [Naib Pengerusi]

**Pergerakan Pemuda Malaysia**

Encik Lim Peng Hooi

samb/-

**SAKSI (PENDENGARAN AWAM) (samb/-)**

**Individu**

Encik KJ John

Encik P. Uthayakumar

Encik S. Thiagarajan

Encik S. Manimaran

Encik S. Sugumaran

Encik Ganesan

Encik Rajoo

Encik S. Jayatas

Puan Annie Ooi Siew Lan

---

**LAPORAN PROSIDING****PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****JUMAAT, 11 NOVEMBER 2011*****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.43 pagi***

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, kita ingin memulakan sesi pada hari ini. Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang ke mesyuarat pada hari ini kepada semua Ahli Yang Berhormat semua hadir pada permulaan pagi ini iaitu Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya negara kita. Juga kepada Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa, kepada semua wakil daripada agensi-agensi teraju Jawatankuasa ini khususnya Suruhanjaya Pilihan Raya, Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Pendaftaran Negara, wakil-wakil daripada agensi kerajaan yang telah pun dikenal pasti dan diwajibkan untuk hadir sebagai pemerhati. Seterusnya juga pegawai-pegawai dari Parlimen dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, termasuklah ahli-ahli media yang begitu sibuk di depan kita ini.

Saya bagi pihak Jawatankuasa ingin merakamkan penghargaan kepada semua tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir untuk sesi ini sama ada sebagai pemerhati atau untuk mendengar atau melihat prosiding dijalankan atau bertindak sebagai saksi dan pembentang pandangan dan kertas kerja di dalam sesi ini.

Untuk makluman tuan, puan yang hadir, mesyuarat ini adalah hari pembukaan bagi sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dan bagi siri pertama ini diadakan di Kuala Lumpur. Jawatankuasa akan bertemu dengan wakil-wakil pertubuhan dan persatuan-persatuan yang berdaftar serta individu-individu mulai pada hari ini iaitu 11/11/11 ya. So, spekulasi soal pilihan raya tidak harus mengganggu kita kerana sudah melintasi hari yang dikatakan hari istimewa dan *nothing*, tidak ada yang terjadi. So, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak payah risaulah dan akan diteruskan lagi pada hari esok Sabtu iaitu 12 November 2011.

Suka saya maklumkan kepada semua tuan-tuan dan puan-puan bahawa mereka yang dijemput sebagai saksi biasanya daripada mereka yang telah memohon.

Ada juga yang pihak Jawatankuasa sengaja memilih berasas kepada memorandum yang telah pun diberi kepada kita. Kita melihat banyak idea yang baru ataupun berbeza daripada lain yang, dengan izin, *worth listening*, begitu mempunyai asas-asas untuk didengari. Untuk tujuan itulah kita telah menetapkan senarai-senarai dan untuk hari ini yang akan memulakan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya, yang sudah ditetapkan dalam agenda akan dimulakan dengan Majlis Belia Selangor disusuli dengan *Malaysian Chinese Association*. Lepas itu *Transparency International* dan Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia juga persatuan *Society of the Blind*, Yang Berbahagia Datuk S. Ambiga, Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia dan beberapa individu nanti iaitu setakat yang telah kita sahkan dan beberapa individu, sampailah sebelah petang dan juga SUHAKAM.

Tidak semestinya giliran ini yang diikuti sebab kadang-kadang ada yang lewat. Nanti kita terpaksa dahulukan yang sudah sampai jika mereka lewat. Kita akan bersidang mulai sekarang ini sampai kepada jam 12 kerana hari ini hari Jumaat dan selepas itu kembali kepada jam 2.30, sampailah kepada biasanya 5.30 begitu tapi kalau masih ada yang sudah datang dan dari jauh, kami sedia mendengar juga sampailah larut tengah malam. Akan tetapi itu tertakluk kepada mereka yang hadir.

Saya ingin tekankan beberapa perkara. Nombor satu, pendengaran awam ini adalah sesi Parlimen bersidang. Ia dalam bentuk mini Parlimen. Jadi, tatatertib, tatacara semua itu dipandu oleh peraturan-peraturan tetap Parlimen. So, kita perlukan suasana yang baik, suasana yang teratur dan mereka yang boleh bersuara adalah hanya saksi yang telah pun dijemput dan Ahli-ahli Parlimen di sini. Ahli-ahli Parlimen boleh menegur ataupun boleh mengeluarkan persoalan-persoalan dan seterusnya tetapi di galeri itu termasuk pegawai-pegawai, tidak ada kuasa bercakap. Hanya yang dijemput itu dan...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** Ahli Jawatankuasa ini bukan Ahli Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Jawatankuasa ini. Ahli Parlimen yang mana juga sekali gus Ahli Jawatankuasa ini boleh menegur, boleh meminta penjelasan tambahan tapi dari segi awam tidak ada yang boleh bercakap kecuali saksi-saksi yang telah pun dijemput untuk menjadi Ahli Parlimen selama 10 hingga 20 minit. Dengan izin, *this is a very privilege part of Parliament* di mana Parlimen turun padang dan menjadi Parlimen di kalangan rakyat.

■0950

Jadi, di mana yang boleh bercakap adalah rakyat yang telah pun meminta atau perwakilan-perwakilan. Mereka hendaklah juga bercakap berasaskan kepada peraturan-peraturan Parlimen. Tidak boleh tuduh-menuduh kalau tidak ada bukti yang tertentu.

Untuk makluman, kerana ia adalah sesi Parlimen yang bersidang, setiap perkataan yang dikatakan itu adalah dalam *Hansard*, verbatim. Tertulis perkataan demi perkataan. Ia akan menjadi sebahagian daripada prosiding Jawatankuasa ini untuk dipamerkan atau diberi penerangan. Jadi, itu untuk peringatan mereka yang telah pun diberi peluang untuk berbicara ataupun hadir dan juga bagi pihak media, kami telah setuju membenarkan pihak media menjadi *permanent observer*.

Namun, pada masa bersidang, harus seperti dalam Parlimen, tidak boleh ada gangguan-gangguan termasuk berjalan-jalan untuk mengambil gambar dan seterusnya. *The same order the moment* persidangan itu dimulakan. So, sekali lagi, terima kasih kepada yang hadir dan kami yakin bahawa tuan-tuan dan puan-puan akan terus bekerjasama. Saya katakan bagi pihak Ahli-ahli Jawatankuasa dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan tuan puan itu akan dipertimbangkan dan akan diguna pakai oleh Jawatankuasa di mana-mana yang bersesuaian. Setiap dokumen yang diberikan akan menjadi *exhibit* Parlimen. Dikemukakan sebagai lampiran kepada ketetapan Jawatankuasa ini. Saya rasa itu sahaja yang saya ingin sampaikan.

Dengan itu saya ingin menjemput pasukan yang pertama ialah Majlis Belia Selangor, di ketuai oleh Encik Badrul Hisham bin Badrudin. Biasanya, ketua sahaja yang kita benarkan untuk berbicara. Akan tetapi boleh minta izin dengan saya jika ada anggota lain untuk memberi penerangan lanjut. Saya beri sebagai permulaan, 10 sampai 15 minit. Saya harap ada dokumen yang telah disediakan. Saudara Badrul boleh memperkenalkan anggota yang turut bersama. Sila.

*[Saksi-saksi dari Majlis Belia Selangor mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**9.52 pg.**

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin [Timbalan Presiden, Majlis Belia Selangor]:**

*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, yang saya hormati Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Malaysia, rakan-rakan daripada kementerian dan juga jabatan yang dapat hadir pada pagi ini. Rakan-rakan saya, saudara Azwan bin Abdul Aziz dan saudara Hariz Azman bin Dato' Mat Yasir yang juga dapat bersama kami pada hari ini. Kami daripada Majlis Belia Selangor amat berterima kasih kerana dapat dijemput menghadiri sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya. Kami juga dari pihak Majlis Belia Selangor telah mengutarakan pandangan kami pada 19 Julai yang lalu berkenaan dengan isu penambahbaikan proses pilihan raya kepada SPR.

Yang Berhormat, ahli-ahli panel, di sini kami Majlis Belia Selangor ingin mencadangkan;

- (i) pendaftaran pemilih dibuat secara automatik bagi warganegara yang berumur 21 tahun;
- (ii) warganegara yang sudah berdaftar sebagai pemilih tetapi tidak mengundi, automatik pendaftarannya akan terkeluar daripada daftar pemilih selepas tempoh satu pilihan raya dan perlu mendaftar semula;
- (iii) memperluaskan penggunaan sistem IT secara *online*, penglibatan antara agensi dan jabatan daripada segi sistem maklumat perlu dilaksanakan;
- (iv) kegunaan *ink* pengesahan selepas mengundi;
- (v) mengundi di luar negara. Bukan dari kategori pengundi pos. Soalan saya, bagaimanakah SPR akan memantau seseorang itu tidak memiliki dwi kewarganegaraan ataupun status penduduk tetap jika ianya akan dilaksanakan;
- (vi) seseorang warganegara yang mempunyai dwi kewarganegaraan dan status penduduk tetap di negara lain tidak layak mengundi;
- (v) petugas pilihan raya. Seseorang petugas itu harus bersikap neutral dan tidak memihak kepada mana-mana pihak parti politik. Bagaimanakah SPR dapat memastikan petugas yang dilantik ini tidak bertindak di luar norma tugas mereka?;
- (vi) perjalanan pilihan raya SPR. Soalan lazim di dalam *website* Yang Berhormat ya. Saya mohon penjelasan sedikit. Soalannya, orang yang ingin mengundi tetapi namanya telah ditanda sebagai telah pun keluar mengundi. Jawapannya, beliau tidak boleh mengundi. Saya rasa itu adalah kurang logik sedikit;
- (vii) seorang calon yang bertanding Kerusi DUN atau Parlimen, tidak boleh bertanding kedua-dua kerusi sama ada di dalam negeri yang sama ataupun negeri yang lain;
- (viii) SPR perlu memantau etika kempen terutama sekali melalui media alternatif ataupun media sosial yang terlampau ghairah, sama seperti pendekatan dan syarat penyokong semasa penamaan calon. Ini pilihan raya bukan hari kiamat;

- (ix) sumber kewangan perbelanjaan calon perlu ada akauntabiliti untuk memastikan tiada unsur negatif. Sebagai contoh, wang haram, wang daripada kongsi gelap, sumber luar yang tidak pasti. Calon perlu menyatakan kewangan perbelanjaan kempen dan audit di buat bagi memastikan tidak ada salah laku; dan
- (x) seseorang yang bertanding Kerusi DUN ataupun Parlimen, maksimum seseorang itu boleh memegang sesuatu jawatan Kerusi DUN ataupun Parlimen, contoh untuk Kerusi DUN dipegang dua tahun maksimum dan Parlimen selama tiga tahun maksimum..., penggal, minta maaf.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tiga tahunkah tiga penggal?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Tiga penggal.

**Tuan Pengerusi:** Tiga penggal berturut-turut, begitu?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Tahun cepat sangat. Terlalu cepat

**Tuan Pengerusi:** Ramai veteran dalam Parlimen nanti tergugurlah.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Saya rasa itu Yang Berhormat, kita bagi peluang kepada ramai pemimpin di bawah sana yang dapat memastikan negara ini berjalan dengan lancar Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, teruskan.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Oh, pendek sahaja. Untuk makluman, terima kasih banyak. Dalam sesi Pendengaran Awam ini tujuan kami adalah mendengar dan pihak kami boleh meminta maklumat tambahan dan berinteraksi dengan Ahli Yang Berhormat. Akan tetapi kita tidak boleh jawab apa yang dibangkitkan. Akan tetapi pegawai-pegawai tertentu dan jabatan tertentu dalam proses pemerhati mengambil catatan. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, ada apa-apa komen? Yang Berhormat Gombak, dia sentuh tidak boleh pegang dua Yang Berhormat. Saya dulu pegang Yang Berhormat tiga penggal, DUN dan di sini. Akan tetapi banyak kerjalah. Satu pun cukuplah. Seperti satu isteri, mencukupi... *[Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Yang Berhormat Rasah DUN?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah pun DUN?

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** DUN juga.

**Tuan Pengerusi:** DUN juga. Ada apa-apa komen Ahli Yang Berhormat?

Saya rasakan banyak pandangan yang begitu baik sekali di situ dan kita akan nanti gunakan *point-point* itu dalam pertimbangan rumusan kita. Ada memorandum yang disediakan dan telah diambil untuk diedarkan. Okey, Yang Berhormat Gombak ada.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saudara Badrul, tadi ada salah satu cadangan yang dikemukakan ialah penggunaan *ink* selepas mengundi. Sebelum ini kita dengar dan berbincang selama beberapa hari penggunaan *ink* sebelum mengundi ataupun ketika hendak mengundi. Boleh saudara Badrul kemukakan apa hujah kita menggunakan dakwat kekal ini selepas mengundi?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat cakap tadi betul. Apa yang saya tulis ini salah. Saya kurang arif sama ada dakwat itu digunakan sebelum atau selepas kita mengundi.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Yang kita cadangkan, ketika hendak mengundi.

**Tuan Pengerusi:** Waktu dia hendak menerima kertas undi.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Kertas undi. Saya rasa itu yang paling tepat Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Maknanya, bukan selepas mengundi.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Akan tetapi cadangan kumpulan ini pun bagus juga.

#### ■1000

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sekarang dia dah betulkan Yang Berhormat, cadangannya sebenarnya sebelum mengundi.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Sebelum mengundi, masa kita dah dapat ...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Kita boleh timbang, kalau kita izinkan dia undi tetapi sebelum dia keluar daripada *booth* undi dia, kita cop dia. Mungkin itu boleh selesaikan satu masalah yang dihadapi. Kita izinkan dia undi tetapi sebelum dia keluar, kita cop. Kita boleh timbangkanlah.

**Tuan Pengerusi:** *Good idea.* Okey, siapa lagi Ahli Yang Berhormat, minta penjelasan? Saya ada satu, saudara Badrul mengatakan bahawa petugas itu hendaklah neutral dan itu memang satu saranan yang baik sekali dan minta supaya pihak SPR mematuhi ciri-ciri ini. Akan tetapi adakah pihak saudara Badrul dari Majlis Belia Selangor ini ada cadangan bagaimana memastikan petugas itu adalah betul-betul neutral kerana dia dipilih dari kalangan biasanya kakitangan kerajaan dan apakah tingkah laku yang kita rasa tidak boleh dipandang neutral. Ada cadangan-cadangan untuk memastikan?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pernah melalui satu pengalaman di mana melalui proses saya bertemu dengan seorang pendaftar ataupun semakan pemilih di salah satu pilihan raya kecil di mana petugas itu mempunyai *leaflet* politik di sebelahnya dan siapa yang mahu mendaftar ataupun menyemak sebagai pemilih, dia dapat mempengaruhi pemikiran ataupun pendapat.

**Tuan Pengerusi:** Waktu di pondok ataupun di dalam bilik yang kita menerima kertas mengundi?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Ini sebelum hari mengundi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Oh.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** *That means...*

**Tuan Pengerusi:** Oh, tetapi dia pegawai SPR?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Saya tidak tahu tetapi dia memakai lencana SPR, dilantik oleh SPR, dibayar elaun oleh SPR. Ini petugas dipanggil petugas sambilan saya rasa.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sebelum hari mengundi?

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia ikut kempen tapi dia SPR.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Yang Berhormat, kalau boleh kita perlu pastikan yang petugas itu bukan dari kalangan ahli parti ataupun mempunyai keahlian di dalam mana-mana parti politik.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang dimaksudkan oleh saudara Badrul ini adalah pegawai penguat kuasa ataupun pasukan penguat kuasa?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Bukan Yang Berhormat, ini yang contoh...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sebab sebelum pilihan raya, itu sahaja orang-orang yang akan bertugas oleh pihak SPR, yang memakai pakaian SPR dan mereka adalah petugas-petugas penguat kuasa terdiri daripada pegawai SPR dan juga ahli-ahli politik ataupun wakil-wakil calon. Saya kurang faham, sebab satu hari atau sebelum pilihan raya itu, siapa yang pegawai SPR. Mungkin kita boleh minta penjelasan daripada SPR, siapakah yang boleh bertindak sebelum hari mengundi itu?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Ini untuk semakan Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Pondok semakan ...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kalau pondok itu hari mengundi.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Sebelum hari mengundi, sebelum mengundi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kalau sebelum hari mengundi, kita hendak tahu daripada SPR, siapa dia itu yang boleh memakai pakaian SPR.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya jemput pihak SPR, mereka yang bertanggungjawab untuk semakan, bukan pada hari mengundi di dalam itu tetapi adakah kita tubuh pusat-pusat seperti itu untuk semakan?

**Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]:** Tuan Pengerusi, sebelum hari mengundi kita ada melantik petugas-petugas pilihan raya yang kita panggil Kerani Penyemak Daftar Pemilih.

**Tuan Pengerusi:** Apa kita panggil namanya?

**Encik Harun Che Su:** Kerani Penyemak Daftar Pemilih. Jadi, mereka ini kita lantik daripada kalangan orang awam, petugas-petugas dari kakitangan kerajaan. Jadi, mereka ini sebenarnya sepatutnya tidak ada *inclination* politik, tidak ada mana-mana kecenderungan politik. Jadi, kita lantik secara umum. Kebanyakan mereka ini telah berkali-kali jadi petugas pilihan raya yang kita lantik. Jadi, ini merupakan ulangan-ulangan.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa barangkali dalam bentuk itulah, ada juga tersisip yang begitu aktif dan lupa dia pakai lambang SPR. Ada juga barangkali. Ada wujudkah pihak-pihak yang pakai lambang SPR itu tetapi dia pergi kempen, merosakkan nama SPR.

**Encik Harun Che Su:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita tidak ada kawalan, terlalu ramai yang kita lantik. Jadi, kemungkinan ada yang pakai...

**Tuan Pengerusi:** Barangkali satu cadangan itu tetapi teguran itu daripada pihak belia, barangkali dalam masa-masa yang akan datang, kita minta mereka *state political inclination* dalam borang mereka untuk dilantik separuh masa untuk tujuan itu supaya ikhlas, supaya tidak bawa fahaman politik bersama dengan tugas, itu satu cadangan. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, satu lagi Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tanya pandangan daripada Encik Badrul yang mewakili Majlis Belia Selangor. Saya menghargai cadangan Majlis Belia Selangor yang mengatakan cadangan pertama, pendaftaran pemilih dibuat secara automatik bagi warganegara yang berumur 21 tahun. Cuma saya hendak tanya pandangan sebagai badan yang mewakili belia, apakah pandangan Majlis Belia Selangor sekiranya umur pengundi itu dikurangkan daripada 21 tahun ke 18 tahun. Adakah Majlis Belia Selangor akan setuju dengan cadangan ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, silakan pandangan saudara Badrul. Kasi turun umur dari 21 tahun ke 18 tahun, mengikut Yang Berhormat Rasah, bagaimana belia menerima pandangan?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa pihak dari kami Majlis Belia Selangor yakin bahawa umur 21 tahun itu sudah cukup sesuai dan sudah cukup matang untuk berfikir untuk memilih pemimpin-pemimpin mereka. Jikalau umur mereka kurang daripada 21 tahun, habis SPM pun dah 17 tahun, inikan pula 18 tahun, saya rasa pemikiran mereka baru mahu terbuka, belum cukup sesuai lagi untuk didaftarkan sebagai seorang pemilih. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya ada soalan terakhir tentang pendaftaran automatik. Ada beberapa implikasi, misalnya automatik tempatnya nanti di mana dia ingin diletakkan berasas kepada alamat tetap dalam kad pengenalan. Akan tetapi kemungkinan itu bukan alamat yang terkini. Jadi, penempatannya itu bukan atas barangkali pilihan dia. Kedua, kalau dia mendaftar sendiri, dia boleh menetapkan pilihannya walaupun katakanlah dia orang Sabah, dia di Kota Kinabalu tetapi dia mahu mengundi di tempat lain kerana itu kampung asal ibu bapa. Kalau ikut syarat sekarang, mestilah IC nya itu ditukar kepada tempat tersebut. Jadi, ada beberapa implikasi jika automatik, barangkali *outdated* sudah alamatnya itu dan juga memang jumlah pengundi akan meningkat besar tetapi kalau mereka tidak pergi mengundi, peratusan *turnover* itu lebih rendah. Akan tetapi tadi ada cadangan, kalau satu kali membuat pilihan raya tidak mengundi, gugurkan dia dan minta daftar balik so, ada pandangan tambahan?

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berpendapat selama ini pun ramai di antara pemilih kita yang mempunyai daftar pemilih di sesuatu tempat itu tetapi bekerja di tempat yang lain. Proses automatik ini adalah untuk keseluruhan, memang benar jumlah itu akan meningkat drastik. Mungkin ada cadangan dari pihak Tuan Pengerusi, bahawa kalau boleh kita boleh mengundi di mana-mana, tidak perlu balik ke tempat asal kita. Contoh, saya bekerja di Johor, tempat mengundi saya di Perlis, katakan contoh. Kos untuk kita pergi balik dari segi *transportation* dan sebagainya, masa, kita bekerja dan sebagainya, mungkin menjadi kekangan bagi seorang pengundi itu untuk balik mengundi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Saya rasa itu sahaja daripada pihak kami. Terima kasih Majlis Belia Selangor, saudara Badrul Hisham bin Badrudin dan kumpulan. Kita akan teliti cadangan-cadangan, kalau ada lagi tambahan, sila e-mel pada pihak kami di [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my). Sekian terima kasih.

**Encik Badrul Hisham bin Badrudin:** Terima kasih Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Malaysia, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

Kumpulan yang seterusnya adalah kumpulan daripada *Malaysian Chinese Association*, diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Tee Sieu Keong, Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok dan Yang Berbahagia Datuk Theng Bok. Okey, sila ambil tempat duduk kalau mereka belum lagi dimasukkan di dalam. Okey, seperti saya telah sentuh tadi, satu orang sahaja jurucakap kecuali ada tambahan yang diperlukan dan dengan kebenaran saya, pihak Pengerusi boleh benarkan.

■1010

*[Saksi-saksi dari Malaysian Chinese Association (MCA) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh perkenalkan ahli yang bersama. Saya beri sebagai permulaan 10 minit, tertakluk kepada pandangan-pandangan pihak Ahli Jawatankuasa yang ingin meminta penjelasan so kepada Yang Berhormat Datuk Thee Seow Keong.

**10.11 pg.**

**Datuk Ei Kim Hock [Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat, MCA]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pemerhati serta wakil media. Terlebih dahulu bagi pihak MCA, saya nak pohon kebenaran daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk menggantikan nama kerana Yang Berhormat Datuk Thee Seow Keong tidak dapat bersama-sama, dan nama saya Datuk Ei Kim Hock, Ahli Jawatankuasa Tinggi Pusat MCA. Bersama-sama dengan rombongan saya ialah Yang Berhormat Senator Chiew Lee Giok, Setiausaha Agung Wanita MCA Kebangsaan; Saudara Loh Chew June, Penolong Setiausaha Agung Pemuda MCA; Datuk Theng Bok, Penasihat Undang-undang kami; dan Encik Raymond daripada INSAF.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, MCA akan membentangkan dan telah menyerahkan pembentangan kami secara bertulis. Saya pohon kalau sekiranya tidak terdapat di mana di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, kami boleh edarkan semula dan saya akan membawa perkara ini yang merangkumi lima aspek sahaja.

Yang pertama, MCA berpendirian mengenai dengan senarai pengundi ataupun pendaftaran pengundi di mana kami mencadangkan supaya SPR patut dan seharusnya mempunyai satu sistem yang lebih berkesan dan efisien, dan mempunyai cara pemeriksaan secara berkala untuk membersihkan *database* ataupun nama-nama pengundi, sama ada mereka itu dah meninggal ataupun telah melupuskan kewarganegaraan mereka. Perkara ini saya rasa penting kerana kalau tidak dilakukan secara berkala dan efisien, ia akan menimbulkan kekeliruan dan seterusnya isu tersebut akan dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu.

Seterusnya kami juga mencadangkan supaya satu saluran terbuka dapat kita ciptakan di antara SPR bersama-sama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan pihak polis kerana ini akan dapat memaklumkan status terkini kewarganegaraan pengundi-pengundi. Begitu juga SPR juga harus mempunyai cara yang tertentu untuk mengesahkan status pengundi-pengundi yang tak berdaftar dan juga untuk memastikan bahawa mereka yang tidak mengundi untuk sekian lama itu untuk mengetahui tentang status dan kedudukan mereka-mereka yang telah pun mendaftar tetapi tidak mengundi.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kami juga berpendirian bahawa tidak sepatutnya diadakan pendaftaran secara automatik, kerana kami berpandangan bahawa sistem yang sedia ada, yang telah menawarkan peluang begitu banyak untuk rakyat Malaysia mendaftar sebagai pengundi pun tidak digunakan sepenuhnya oleh pengundi dan masa yang diberikan dalam tempoh yang begitu panjang pun tidak digunakan dengan sebaik mungkin, maka pendaftaran secara automatik yang mempunyai unsur paksaan ini, kalau sekiranya dilakukan pun, ia tidak akan mendatangkan sebarang hasil, lebih-lebih lagi ia akan merupakan satu pembaziran sumber kepada kerajaan.

Kami juga mencadangkan kepada pihak SPR supaya dapat memendekkan masa mengesahkan pengundi-pengundi yang telah mendaftar. Nampaknya sekarang ia memerlukan masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk SPR mengesahkan kedudukan seseorang pengundi sebelum mereka dapat memasuki tempat pengundian, dan kami mencadangkan supaya masa itu dapat dipendekkan iaitu sejurus selepas sahaja mereka mendaftar, selepas mendapat pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara, maka harus terus dikemaskinikan mereka sebagai pengundi dan kami juga berpendapat bahawa kelayakan pengundi yang berumur 21 tahun dan ke atas harus dikekalkan.

Yang kedua Tuan Pengerusi adalah mengenai dengan tempoh berkempen. Kami berpendapat bahawa tempoh berkempen yang diamalkan sekarang ini harus dikekalkan kerana kami berpandangan bahawa calon ataupun parti sepatutnya telah melakukan urusan ataupun peranan mereka seharian dan tidak tunggu sehingga masa berkempen baru mereka nak memperkenalkan calon ataupun untuk memperkenalkan perjuangan parti masing-masing dan saya berpendapat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia ada, yang bertungkus-lumus untuk menyediakan perkhidmatan kepada rakyat itu sesungguhnya adalah merupakan satu saluran yang terbaik untuk mereka terus merapatkan diri dengan pengundi dan juga rakyat di kawasan mereka.

Begitu juga kami berpendapat bahawa daripada masa berkempen sehingga hari pengundian tidak sepatutnya diadakan satu tarikh *cooling-off period* seperti yang dilakukan oleh negara jiran di mana sehari sebelum hari pengundian tidak dibenarkan sebarang kempen. Sistem yang diamalkan sekarang iaitu sehingga sampai 12 tengah malam itu harus dikekalkan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kami juga berpendapat bahawa sistem undi pos yang diamalkan sekarang harus dikekalkan kerana sistem ini adalah sistem yang terpakai dan juga digunapakai oleh negara-negara maju. Lagi pun sistem ini sudah menjadi satu sistem yang dikenali dan juga telah pun difasahi oleh petugas serta oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan saya berpendapat, dan MCA berpendapat bahawa sistem ini haruslah kita terus amalkan.

Mengenai dengan pengundian daripada penduduk luar negara. Kedudukan MCA ialah, kami berpendapat bahawa pengundian daripada luar negara itu tidak harus dibenarkan. Kami memandang serius perkara ini kerana yang pertama, mereka yang duduk di luar negara ini adalah ketinggalan zaman ataupun tidak dapat terus berdamping dan mengenali tentang kejadian seharian di negara kita, dan kebanyakan daripada mereka ini harus mendapat serba sedikit pengetahuan mengenai dengan negara kita hanya melalui saluran-saluran tertentu, sama ada yang rasmi ataupun tidak rasmi dan kebiasaannya kami berpandangan bahawa maklumat yang mereka perolehi itu adalah maklumat yang kami kira tidak melambangkan ataupun membayangkan keadaan sebenar, dan kedudukan sebenar negara kita.

Berhubung dengan penggunaan dakwat pengesahan, kedudukan ataupun MCA berkecuali dalam perkara ini. Kami serahkan kepada pihak SPR. Kalau sekiranya difikirkan berkesan dan dapat menghapuskan syak wasangka ataupun perasaan tidak selesa di kalangan pengundi-pengundi, maka sama ada hendak dilakukan ataupun tidak, kami berkecualilah dalam perkara tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Datuk Ei dan kumpulan. Minta Ahli-ahli Jawatankuasa, ada apa-apa yang nak ditanya atau minta penjelasan tambahan. Yang Berhormat Alor Gajah, dia sendiri yang nak picit mikrofon walaupun dia daripada MCA juga. Dia mahu tambah barangkali, dia nak tambah lagi. Sila.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih. Memang tadi kata sistem pengundi pos perlu dikekalkan tapi kalau ada kelemahan-kelemahan tertentu dalam sistem *postal voting* ini, kita perlulah *ratified* semua kelemahan itu, kan. Bukan sahaja kita *blindly follow* sistem *postal voting* sekarang.

Kalau ada kelemahan-kelemahan tertentu yang dilaporkan, saya rasa SPR perlulah *rectify* kelemahan-kelemahan tersebut. Apa pandangan dari pihak ini?

■1020

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, sebelum pihak MCA menjawab sebab kertas tadi yang dibekalkan itu dia kata, *first-past-the-post voting system*. Jadi saya hendak minta, apakah sama ada *postal vote* ataupun *first-past-the-post voting system*? Sebab ini dua perkara yang berbeza.

**Datuk Ei Kim Hock:** *Our stand is our the first-past-the-post voting system because our paper is all in English, and I need to translate this and of course like what Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Fong has said, their undi pos itu if there is some weaknesses ataupun kelemahan-kelemahan ia harus ditambah baik, and of course the first-past-the-post voting system, we of the opinion that the current system should be retain as what has been practice in other develop countries as well.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, hanya untuk makluman pihak pembentang dan saksi ada bekal untuk kegunaan Jawatankuasa Pilihan Khas ini Bahasa Malaysia sebagai bahasa Parlimen dan “dengan izin”, boleh berhujah dalam bahasa Inggeris. Bahasa-bahasa lain boleh juga “dengan izin” tetapi tidak ada penterjemah di sini. Macam kalau Dayak, guna bahasa Iban nanti Yang Berhormat Kapit terpaksa terjemah dan kalau guna bahasa KadazanDusun saya boleh juga tetapi tidak digalakkan kerana kami mahu memastikan bahawa tidak menghalang penyampaianlah tetapi Bahasa Malaysia, dan “dengan izin”, bahasa Inggeris. Okey, silakan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak respons sedikit kepada pandangan pihak MCA terhadap *point* yang keempat iaitu *overseas voting*.

Saya minta izin membaca Tuan Pengerusi di sini pandangan mereka, *“Opposition is that overseas voting should not be allow. Some citizens living abroad have a lost touch and contact to the country for years. They do not have the feel of what happening in the country. They are getting bit and pieces of news from various sources and try to form or picture of what happening to the country. What they read about Malaysia may therefore be bias and it is the wrong information. They should give them the whole truthful picture of about what is going on in this country. The picture of Malaysia should be determined by those who has faith and still remain in this country.”*

Saya cuma hendak tanya pandangan seterusnya ialah, adakah pihak MCA tidak yakin kepada warganegara kita yang duduk di luar negara, sebab *I think* salah satu *demand* ialah mereka yang bekerja ataupun belajar, yang duduk di seberang laut tidak sempat balik untuk mengundi, diberikan ruang untuk mengundi dan saya rasa itu tidak begitu adil mengatakan bahawa mereka *lost touch* dengan negara kita sebab sekarang kita ini duduk dalam dunia tanpa sempadan. *We are living in the global village*. Banyak *information* dan sebagainya boleh diperolehi melalui *internet* dan bukan sahaja mereka membaca website-website alternatif tetapi juga website-website rasmi, media rasmi, media *midstream* seperti *The Star* dan sebagainya yang merupakan salah satu website yang sangat popular di kalangan warganegara Malaysia yang duduk di luar.

Jadi saya kurang bersetuju dengan cadangan ini bahawa mereka tidak dibenarkan mengundi kerana ada ramai rakyat kita yang terpaksa berada di luar negara bukannya kerana mereka tidak ada keyakinan terhadap negara kita sendiri tetapi mungkin mereka sedang belajar, kerana 21 tahun mereka mungkin sedang berada di universiti, ada juga yang bekerja dengan syarikat multinasional dan sebagainya, ada yang bekerja dengan pelbagai agensi di dunia sebab sekarang rakyat Malaysia ada banyak kebolehan yang bekerja dengan agensi-agens antarabangsa ataupun syarikat-syarikat antarabangsa, yang sepatutnya kalau mereka sempat balik untuk mengundi, sepatutnya diberikan ruang itu untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang pengundi semasa berada di luar negara. Saya harap pandangan ini dapat diberi perhatian.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sebelum Datuk menjawab, ingin saya menjelaskan di sini kedudukan undang-undang yang ada sekarang. Undang-undang yang ada sekarang ini membenarkan *students* yang mengaji secara *permanents student, full times students*, mendaftar sebagai pengundi di luar negara dan mengundi. Itu kedudukan sekarang tetapi rakyat Malaysia yang lain, selain daripada memegang jawatan awam, bagi pihak Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri, badan-badan berkanun, tidak berhak. Itu kedudukan sekaranglah.

**Tuan Pengerusi:** Kakitangan kerajaan di *commission* kita...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So that you know the present state of affairs*. Jadi rakyat biasa bermakna kalau seseorang itu duduk bermastautin lama di Australia tetapi dia rakyat Malaysia, dia tidak berjawatan ataupun dia bukan *students*, dia tidak layak. *So that it the present affairs*.

**Datuk Ei Kim Hock:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa soal keyakinan kepada seseorang itu langsung tidak timbul dalam kertas yang kami bentangkan tetapi apa yang kami pertikaikan ialah cara mereka mendapatkan maklumat itu, dan cara mereka mengetahui dengan keadaan sebenar negara kita.

Oleh sebab itu kami, *as told now* dengan izin Tuan Pengerusi, *most of the information received actually, of course some are through the official website and very often they are actually through the other sources. And we are actually doubtful about kind of information they received and disseminated by various parties*, dan sebab itulah kami berpendapat bahawa, untuk membolehkan mereka menentukan nasib dan hala tuju serta masa depan negara kita, sepatutnya daripada mereka yang mengetahui keadaan sebenarnya, dan mengetahui tentang kedudukan sebenarnya negara kita, dan perkembangan yang sebenar yang sedang berlaku dalam negara kita, dan mereka itulah kami fikir yang merupakan mereka yang betul-betul layak dan sepatutnya diberikan kelayakan bagi mereka mengundi dan memilih pemimpin-pemimpin mereka masing-masing.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sememangnya saudara Kumpulan MCA–INSAF ini bebas untuk memberi pendekatan dan pandangan kamu itu. Okey *last* Yang Berhormat Wangsa Maju, hendak soal dan minta penjelasan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh MCA mengenai dengan *voters* yang tinggal di luar negeri tetapi dari sudut yang dikemukakan, apa yang disebutkan bahawa mereka ini tidak layak tadi diberikan hak untuk jadi seorang pengundi kerana mereka dapat sumber-sumber yang kurang baik atau bukan-bukan. Saya rasa ini bukan satu *yard stick* lah yang kita boleh menggunakan untuk menafikan seorang warganegara kita dari segi hak mereka untuk mengundi dalam negara kita.

Saya rasa tidak baik, kerana mereka pun ada hak juga, dan mana kita tahu bahawa mereka kemungkinan ada baca daripada sumber-sumber melalui *internet* yang baik juga. So bagaimana kita hendak menentukan bahawa semua orang ini mesti baca daripada sumber-sumber melalui *internet* yang kurang baik Saya rasa ini tidak baik kerana hak mengundi ini telah dikekalkan di bawah Perlembagaan kita iaitu sebagai seorang warganegara, kita mesti ada hak untuk jadi pengundi dalam negara kita.

So, saya rasa tidak berapa tepatlah, kecuali MCA boleh berikan bukti bahawa semua orang di luar negeri ini, warganegara Malaysia di luar negeri, semua orang yang tidak baik ataupun dapat baca sumber-sumber melalui *internet* yang kurang baik. Walau bagaimanapun, mereka ada hak untuk membaca dan meneliti apa-apa pun melalui *internet*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya rasa itu sekadar untuk memohon penjelasan tambahan. Dalam kertas kerja ada dikatakan semualah tetapi sebahagian golongan di seberang laut inilah yang *missing for...* [Disampuk oleh Yang Berhormat Rasah] Okey, terakhir, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey, itu pandangan pihak MCA. Satu soalan pendek lagi saya hendak tanya ialah, berkenaan dengan *indelible ink*. Dalam kertas di sini mengatakan bahawa dengan izin, “*Our position under purpose usage of indelible ink for election is neutral.*” Jadi saya hendak tahu, apakah maksud neutral itu sama ada kalau Jawatankuasa ini mencadangkan supaya *indelible ink*, kalau kita bersetuju untuk menggunakan *indelible ink* sama ada neutral itu maksudnya boleh setuju juga? Terima kasih.

**Datuk Ei Kim Hock:** Saya ingat Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat sepatutnya lebih tahu apabila kami katakan kami berkecuali, bermakna kami akur kepada keputusan atau cadangan, serta amalan yang bakal digunakan oleh SPR nanti, kami berkecuali dan sekiranya SPR berpendapat harus digunakan, kami terima ataupun tidak praktikal untuk diguna pakai, kami terima dan kami berkecuali dalam keadaan ini. Terima kasih.

■1030

**Tuan Pengerusi:** Okey, so, ikut perintah, begitukah? Perintah yang baguslah, kan.

Tadi sebenarnya dalam pembentangan ada juga cakap tadi bahawa kalau ada apa-apa keraguan, kikiskan itu dan supaya ada lebih diterima secara meluaslah. Saya rasa itu sahaja peluang pihak kita boleh beri kepada pihak INSAP iaitu pihak MCA. Terima kasih atas input-input yang diberikan. Jika ada lagi susulan untuk penjelasan seterusnya secara bertulis, sila *e-mail* kepada pihak kami. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ei Kim Hock:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, terima kasih. Okey, kumpulan seterusnya saya menyerahkan kepada Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Kangar untuk mempengerusikan seterusnya, bagi mereka yang di dalam senarai. Dipersilakan.

[Timbalan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

10.31 pagi

**Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Terima kasih.

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]:** Yang Berhormat, *next Transparency International Malaysia*.

**Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, kumpulan ketiga *Transparency International Malaysia*. Ada empat orang? Sila. *Please*.

*[Saksi-saksi dari Transparency International Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tiga atau empat?

**Seorang Ahli:** Tiga.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tiga ya, okey. *Welcome, good morning, selamat pagi. Sila memperkenalkan diri dan teruskan.*

**10.31 pg.**

**Datuk Paul Low Seng Kuan [Presiden Transparency International Malaysia]:** Okey, saya Datuk Paul Low Seng Kuan, Presiden *Transparency International Malaysia*. Terima kasih kepada Jawatankuasa ini kerana memberi peluang *Transparency International Malaysia* untuk membentangkan cadangan-cadangan. Izinkan saya meneruskan, mempersembahkan cadangan-cadangan dalam bahasa Inggeris.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okay proceed.*

**Datuk Paul Low Seng Kuan:** *We have submitted our memorandum to the panel and also we have submitted our research book on Political Financing. Since Transparency International Malaysia civil society NGO, dealing with corruption, we will only make proposal and express our concern relating to this area. We have observed in worrying trend in the area of politics especially the increase monetization of politics involving the use of money in election campaign. Today, not only reaching with the hundred or millions but it can also come to billions of Ringgit especially coming in General Election.*

*The consequent of this increase of money politics Yang Berhormat, is that it undermine the democratic process where candidate with lesser financial resources are place at the disadvantage and capable and young candidate should be the right talents who wants to serve the nation hampered in their campaign. And also is soul the seed of corruption in government through awards of tenders because concession who had to be given to political bakers or supporters especially those who gave finance to political parties or their candidate. And also in our research, we have come across the establishment of award funds in the magnitude of hundreds of millions and in the some case, exceeding RM1 billion held in trust by nominees individuals or companies. This is a result of unbridle used of money in politic in campaigning.*

*Also Yang Berhormat dan ahli-ahli panel, it creates an unhealthy nexus between business and politics resulting in institutionalize corruption what we call TI or Transparency International Malaysia state capture where by policies regulatory frameworks and processors are manipulated for personal gains or to reward proxies or to reward political bakers.*

*Ultimately, we are extreme in concern that this will show up in the high flows of elicit fund overseas. Malaysia is rated by research house call Global Financial Integrity (GFI) that we are almost one of the top ten in the area of elicit fund flowing out of the country. And therefore, denying government finance to benefit the rakyat especially the needy.*

*Yang Berhormat, in the area of the election, we also express concern on the vote buying and fortunately, there is no clear definition of what is "vote buying". Transparency International Malaysia position is that during campaigning, it is not in proper to promise dual men project because this is part of the campaigning manifesto and the people who like to know if some party or some candidate is elected what will we do but what the area that we are concern about is the area where money is given to the voters out rightly some in terms of check, some in terms of cash with the saying that, "You vote for me." From the interview that is made with the Chairman of SPR he said that, giving money is not corruption because you do not know whether the person is voting for you or not after you give the money.*

*So I think this is a wrong definition. I think weather the person vote for you or not is doesn't matter but as long as you entices the individual to give money, then this is corruption and we believe that this is improper. In the area of enforcement, we are also concern that SPR seems to think that they are just a management commission. They are not enforcement, although the act empowers them to enforce. MACC or the police cannot act unless a complaint is lodge. So if SPR if they observe money politics and vote buying, if they do not lodge a complaint, then the MACC or the police cannot enforce. So I think this is very unhealthy trend, and we hope that this committee can..., Ahli Panel can look in to this.*

*The other point that we want to bring out is the area of political financing or political parties. We are also extremely concern there is hardly any regulation concerning the disclosure of funding to political parties, either funding made to parties or to individual. We believe that it will be an improvement if more regulations are put in place to regulate how funds are contributed to the political process.*

*We want to recommend that all funds should only be given to political parties and not to individuals. When it is given to political party, there must be public disclosure on the funds that is given, and also we will recommend that SPR should regulate the expenditure. Of course they have some regulation - the expenditure, but we think that they should more enforcement on the way money being spends in the election and it is time to define what is permissible and what is not.*

*In the area political financing, we want to recommend there is now happening in many part of the world, lately South Korea and also Taiwan that's state funding be given to political candidates when they do campaigning.*

Selepas berdialog serta perbincangan mendalam antara kalangan ahli-ahli kita di seluruh negeri Selangor, kami Exco Negeri Putera MIC Selangor telah menyenaraikan satu siri cadangan yang kami ingin bantah di pagi yang mulia ini berhubung dengan reformasi pilihan raya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atas pandangan jauh beliau dalam membentuk Jawatankuasa *by partisan* ini dalam usaha mereformasikan proses pilihan raya di negara kita. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk peluang membentah cadangan pergerakan kami di forum ini. Tanpa melengahkan masa berikut adalah cadangan kami.

Pertama - Penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*). Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, isu *phantom voters* sering diperkatakan apabila topik pilihan raya dibincang. Untuk menamatkan segala kemusykilan dan spekulasi serta memberikan keyakinan kepada rakyat, Pergerakan Putera MIC Selangor ingin mencadangkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya sebagai satu langkah mereformasikan proses pilihan raya. Kami berpendapat langkah sedemikian akan mendemonstrasikan aspirasi kerajaan untuk memastikan ketelusan pilihan raya dan sekali gus mengatasi isu pengundi hantu.

Cadangan kedua - Tempoh kempen dari tujuh hingga maksimum 14 hari. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, pergerakan kami berpendapat yang tujuh hingga maksimum 14 hari untuk berkempen adalah tempoh yang sesuai untuk parti-parti politik berkempen. Kami rasa tempoh yang terlalu panjang tidak membawa manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat. Antaranya, kos tinggi akibat tempoh kempen yang terlalu panjang adalah 'belanjawan' dalam wang ringgit untuk parti politik, serta masa untuk ahli-ahli parti politik yang berkempen. Selain itu dari segi ekonomi pula, tempoh yang panjang tidak kondusif untuk pasaran syer dan *foreign direct investment*. *Traditionally, market forces are wary or instability when there isn't a sound government in place* dan tempoh berkempen panjang akan merumitkan lagi keadaan ini. Justeru itu, pergerakan kami ingin mencadangkan tempoh berkempen tujuh hari hingga maksimum 14 hari.

Cadangan ketiga - Undian awal (*early voting*) sekurang-kurangnya 24 jam lebih awal. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kami di Putera MIC Selangor ingin mencadangkan yang kesemua tenaga kerja dan kakitangan yang mengambil bahagian dalam mengendalikan pilihan raya diberikan kemudahan mengundi awal sekurang-kurangnya 24 jam sebelum pilihan raya dijalankan. Ini adalah untuk memastikan mereka yang menolong dalam proses pilihan raya tidak mengabaikan tanggungjawab mereka untuk menjadi pengundi juga. Kami rasa yang 24 jam lebih awal adalah sesuai untuk mereka yang perlu balik ke kampung halaman untuk mengundi dan balik ke tempat mereka bertugas semasa pilihan raya.

Cadangan keempat - Menjadikan pendaftaran pengundi automatik dengan kad pengenalan 21 tahun. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk cadangan ini menjadi praktikal, ia memerlukan perubahan kepada dua entiti yang berbeza iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dan Suruhanjaya Pilihan Raya. Buat masa ini kad pengenalan yang diperolehi pada umur 12 tahun perlu ditukar apabila warganegara menjangkau umur 18 tahun dan sebelum berumur 25 tahun.

Kami mencadangkan kepada Jawatankuasa ini untuk menjadikan penukaran kad pengenalan tersebut pada umur 21 tahun dan sekali gus dengan proses ini pendaftaran pengundi dilakukan supaya, kesemua pengundi yang berumur 21 tahun akan didaftarkan secara automatik. Mengundi itu adalah satu tanggungjawab yang penting untuk seseorang warganegara dan dianggarkan lebih daripada 30% pengundi yang layak tidak mendaftarkan diri pada pilihan raya yang lepas. Kami berasa jika cadangan ini diimplementasikan, maka ia mempermudah pengundi untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Dengan cara ini, parti-parti politik juga akan dibebaskan dari pembaziran wang dan masa dalam mengelolakan program-program mendaftarkan pengundi.

Cadangan kelima - Akses media yang adil dan saksama. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk membuat sesuatu keputusan yang bijak, seseorang itu perlu didedahkan kepada kesemua informasi yang relevan. Dalam erti kata pilihan raya, media awam patut memainkan peranan penting dalam membantu para pengundi membuat *inform choice*. Oleh yang demikian, kami di Putera MIC Selangor ingin media massa awam untuk memainkan peranan mereka sebagai *the fourth estate* dan memberikan semua parti politik peluang untuk bersuara kepada rakyat umum dengan cara yang adil dan saksama. Yang betul patut berani dan semua calon serta parti politik mempunyai hak untuk didengar oleh para pengundi.

Kami di Putera MIC Selangor berharap yang cadangan-cadangan ini diambil dengan hati yang terbuka oleh Jawatankuasa ini dan kami pasti yang Jawatankuasa ini akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memartabatkan sistem pilihan raya negara.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad serta Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dalam jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ucapkan syabas kepada Putera MIC yang saya rasa memberikan pandangan-pandangan yang sangat konstruktif dan juga sangat progresif dalam beberapa cadangan yang telah dicadangkannya.

Saya terutamanya amat tertarik dengan cadangan yang keempat mengenai pendaftaran pengundi automatik, yang mengatakan bahawa sekiranya seseorang warganegara sampai 21 tahun dia perlu tukar kad pengenalan MyKad, dan menjadikan mekanisme itu dijadikan sebagai pendaftaran automatik.

Saya rasa ini satu cadangan yang cukup baik, dan mungkin saya harap Jabatan Pendaftaran Negara boleh berikan sedikit pandangan sama ada ini, adakah ia praktikal dari segi pelaksanaannya kerana sekiranya ini dapat dilaksanakan apabila seseorang itu *compulsory* untuk pergi menukar kad pengenalan MyKad pada umur 21 tahun, dan menggunakan data itu sebagai pendaftaran sebagai pengundi, saya rasa itu boleh menyelesaikan masalah dari segi logistiknya dan tidak perlu lagi dia mendaftar dalam dua agensi yang berlainan, dan saya rasa itu satu cadangan yang saya rasa boleh dipertimbangkan sekiranya praktikal dan saya rasa itu satu cadangan yang cukup baik dan saya sokong cadangan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, kita minta komen daripada JPN dahulu.

**Encik Dinesh Thinakaran:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita ambil maklum tentang perkara ini dan sekiranya ada arahan dan keputusan daripada Jawatankuasa ini, kita boleh laksanakan.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya rasa cadangan itu kita boleh timbangkan. Kalau kita kuatkuasakan iaitu bila dia sampai umur 21 tahun dia hendak menjadi seorang pengundi, dia tukar MyKad dia. Itu sebagai satu proses untuk sebagai *registration*. Kalau dia pergi tukar, kita anggap dia sebagai satu proses *registration* sebagai seorang pengundi. Kalau dia tidak tukar, tidak adalah, boleh. Itu merupakan satu proses yang saya rasa wajar. Kita boleh timbangkan kerana apa yang kita mahu dia buat itu supaya untuk sahkan dia hendak menjadi seorang pengundi.

#### ■1150

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya sedikit sahaja berkenaan perkara ini. Memang diperlukan dia mengganti kad, kalau dipersetujui usia dia sampai ke 21. Akan tetapi bagaimana kalau pilihan dia, saya terima kasih mahu mengundi? Adakah dia diberi pilihan, *option*. Kalau tidak mahu mengundi, okey tidak perlu jadi pengundi, ataupun kita *compulsory*, mesti jadi pengundi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak mahu mengundikah, tidak ahu jadi pengundi?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak mahu jadi pengundi.

**Tuan Loke Siew Fook:** Dia boleh ada pilihan untuk mengundi atau tidak.

Akan tetapi hakikatnya ialah dia tidak payah membatalkan tetapi dia ada pilihan, dia hendak buang undi atau tidak *this, is his choice* tetapi prosesnya ialah, dia pergi tukar Mykad automatik dia sudah jadi pengundi berdaftar - sebagai satu mekanisme, sebagai satu proses yang tidak perlu kita *double-up*.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan pandangan daripada JPN bahawa kalaulah kita ada sistem yang sedemikian, automatik pendaftaran ini, kalau tempat mengundi mereka, sama ada kita hendak *base on vote where you live*. Jadinya alamat. Kalau alamatnya di sini, kita kena undi di sini. Jadi alamatnya kena *current*lah, *so*, bagaimana JPN hendak menentukan bahawa orang ini berada di tempat dia yang *current*. Kita tidak oleh ada satu automatik *registration*, tetapi sistemnya tidak ada.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi bermakna jika seseorang itu sudah sampai umur 21 tahun, *on reaching 21th., as a birthday present*, dia kena pergi tukarlah Mykad dia. Secara automatik dia didaftar sebagai pengundi. *That is the suggestion by the Putera MIC*. Jadi soalan daripada Yang Berhormat Wangsa Maju, *to determine the place where he has to cast his vote* bila datang pilihan raya. Kebiasaannya kita kena adalah *something*. *So, he has to go back to the* alamat dalam kad pengenalan dia, *at the time when* dia berumur 21 tahun...

**Encik Dhinesh Thinakaran:** *Excuse me* Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Wait, wait, wait. Let me finish*. Katalah pilihan raya belum diadakan pada tahun itu. mungkin tiga tahun kemudiannya dia berusia 24 tahun. Jadi kalau dia hendak tukar tempat mengundi dia, *its up to him* lah untuk menentukan tempat mengundi dia untuk membolehkan dia mengundi di tempat dia bekerja. Masa itu dia sudah bekerja di Johor Bahru walaupun dia datang dari Perlis..., Perlis lagi ya.. *[Ketawa]* Dia bekerja di Johor Baru, jadi bila umur 24 tahun, dia tahu hendak ada pilihan raya, dia tukar sebab dia jadi Putera MIC di Johor baru, dia hendak bantu MIC umpamanya, ataupun dia hendak bantu DAPkah, dia tukar alamat. *It is on him*. Tanggungjawab kepada dia. Itu cadangan. Betulkan itu, *is that right?* JPN...

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu soalan kepada JPN. Apakah *practice* sekarang ini? Sebab di bawah 12 tahun, dia kena ada Mykid yang didaftarkan. Adakah ini betul seperti yang dikatakan, di antara 18 hingga 25 tahun dia kena tukar satu Mykad yang baru.

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Betul. Tuan Pengerusi, di bawah 12 tahun Mykid, selepas itu Mykad. Dia perlu tukar selepas 18 tahun, dan dari segi alamat kita bergantung kepada permohonan dia. Kalau dia pohon tukar alamat, kita akan ikut kehendak pemohon.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ertinya sekarang ini dia umur 12 tahun, dia punya muka kecil. Muka budak. Jadi apabila umur 18 tahun, 19 tahun dia perlu tukar. Kita tidak hendak apabila umur 45 tahun, tengok muka 12 tahun lagi. Jadi itu yang dia kena tukar itu. Itu yang dimaksudkan itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Dahulu saya tidak ada Mykid... *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi cadangan ini cukup baik. Jadi kita akan ambil kira. Terima kasih kepada Putera MIC Selangor. *Thank you very much.*

**Encik Dhinesh Thinakaran:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okay, thank you.*

*[Saksi individu (Encik K J John) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**11.55 pg.**

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okay, K J John wont you take long because there is short... Okay, we invite K J John. You want to be there? Be in the middle please. Are you alone? Alright, okay go ahead.*

**Encik K J John [Individu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Izinkan saya teruskan dalam bahasa Inggeris. *I'm ex-government servant serves 30 years, retired, and now re-traded.*

*First point I want to make is that this is suppose to be a Public Hearing but a lot of public are left out side. I think if we telecast it, they can be included.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *We are doing it.*

**Encik K J John:** *Thank you. Second point is the last I came...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Telecast means...*

**Encik K J John:** *Even in the gallery. Doesn't mean you have go out of Parliament. People are coming to Parliament.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *CCTV. Sure, sure. I wish we could have live telecast.*

**Encik K J John:** *Thank you. In fact all the attendants outside agree with the suggestion too.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *We are trying our best to have the telecast out side as per Parliament.*

**Encik K J John:** *As per Parliament. Yes. Yang kedua Tuan Pengerusi, is the last time I came to Parliament to make a presentation, I think it was on January 15, to the Standing Committee of Select Committee on Integrity. I was number two presenter.*

*Tuan Lim Guan Eng went before me, I wonder why. May be he is Chief Minister now. But the point is, the report was never table in Parliament. That's the point I want to register a protest. So, I hope this report will table in Parliament. Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok's Committee stated, the reports never table in Parliament...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *I think his committee never completed....*

**Encik K J John:** *No, no! They did. Datuk Wan my classmate took over but the report was not table.*

**Dato' Seri Mohd.. Radzi Sheikh Ahmad:** *I can give you the assurance that this report will table in Parliament.*

**Encik K J John:** *Thank you. Let me make my point now Tuan Pengerusi. It happens to overlap with the Putera MIC, but I present it like old Puteralah, if you don't mind.*

*The idea is we used a registered residential address that is Register of Registrar Department as the point of ballot, and for all intense and purposes there is only legitimate registration address. Because currently the model is, I'm born in Sungai Petani Kedah, and may be I turn 21 if the new suggestion is taken and let say I'm 21 and still living in Sungai Petani, but since I start working in government at the age 25, I have been in Kampung Tunku PJ. I'm registered in Kampung Tunku, I know all the people in Kampung Tunku, I worked in Kampung Tunku, and I hope to die in Kampung Tunku. There is a crematoria, that's the only place lah... [Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd.. Radzi Sheikh Ahmad:** *You register as a voter in Kampung Tunku?*

**Encik K J John:** *That's right.*

**Dato' Seri Mohd.. Radzi Sheikh Ahmad:** *According to the Persatuan Bekas-Bekas Polis, you cannot contest there, you have to go back to your kampung... [Ketawa]*

**Encik K J John:** *So, I'm just making the argument that tax is paid for my residential address, everything else is paid. The local tax is paid down the residential address. I'm saying that this proposal will allow us to live alive of integrated with integrity. Okay because really in Kampung Tunku, I know the ADUN's number, know MPPJ wakil number, and all that so, I can be a useful citizen. That's the only idea. Thank you very much.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Yes, that was three minute exactly, or just a bit more. Thank you, thank you.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *We are gone almost 12 o'clock now been Friday, but we have to allow this group because he has court case in the afternoon. Thank you very much. Welcome.*

*[Saksi-saksi individu (diketuai oleh Encik Uthayakumar) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**11.59 pg.**

**Encik P. Uthayakumar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *It's an honor to appear before you again. Last time we appeared before the Select Committee on CPC and Penal Code, I don't know if you remember.*

Tuan Pengerusi, hujahan saya, terlebih dahulu saya ingin memohon maaf oleh kerana *our representation is very difficult representation with no intention to show disrespect to any individual but the truth must be spoken, nobody wants to raise this issue, no body wants to speak about it and if I may allow..*

Tuan Pengerusi, dalam 54 tahun sejak negara merdeka pendapat kami adalah terdapat *Gerrymandering* kawasan-kawasan di mana terdapat penduduk India yang ramai, *number one.*

■1200

*Number two* adalah, demokrasi Tuan Pengerusi, *for example*, di Putrajaya terdapat 5,079 pengundi dan di Padang Rengas terdapat 24,397 undi. Akan tetapi pengundi dari kalangan masyarakat India, *except the last electoral roll* adalah 715,099 pengundi India tetapi, *there are zero Parliamentary Seats and they are also zero State Assembly Seats which are Indian majority.*

*To the contrary, in Sabah we have about hundred thousand extra that is 820,683 voters and in Sarawak 886,180 voters* tetapi di Sabah, terdapat 25 kawasan Parlimen dan 60 kawasan DUN. Sementara di Sarawak pula terdapat 31 kawasan Parlimen dan 71 kawasan DUN. *And even* Tuan Pengerusi, untuk kebaikan masyarakat minoriti, masyarakat Orang Ulu di Sarawak daripada kajian kita, masyarakat Orang Ulu di Sarawak misalnya terdapat empat kawasan majoriti *which was design to keep them a voice at the highest political level even in Singapore, the group Representative Council in Singapore*, terdapat juga masyarakat minoriti daripada kalangan orang-orang Melayu dan India untuk dijadikan *mandatory candidates* di Parlimen.

*In India* Tuan Pengerusi, *very interesting in India. In the Federal Constitution of India, there is a provision for two Anglo-Indians to be Members of the Lok Sabha, that is their 'Dewan Rakyat'.*

Terdapat dalam muka surat 1, *of my presentation here* Tuan Pengerusi, terdapat 21 kawasan di mana terdapat masyarakat India, *but it seems to have been Gerrymander.*

Seterusnya kepada muka surat 2, *why there is a need for Indian majority Seats* Tuan Pengerusi, adalah oleh sebab *the problems of the Indians are very-very serious, I will not go through the whole details, a very-very serious dan they are now degenerating into the Negro's of Malaysia and a new underclass and to the point that they are contemplating suicide or the suicide rate among the Indian, and suppose to the Malays is 600% higher so the problem is very serious, they need a voice at the highest political level.*

In Malaysia secara amnya Tuan Pengerusi, *people like to play to the 93% Malay-Muslim Native-Chinese Gallery. So that is the political reality ini Malaysia. Nobody wants to talk about the Indian poor in Malaysia. This is from both sides of the political spectrum* Tuan Pengerusi, dan kami cadangkan, kami ada empat cadangan utama pada hari ini yang kami ingin bentangkan Tuan Pengerusi.

Yang pertama - *The creation of 14 Parliamentary Seats, Indian majority Parliamentary seats with at least 70% Indians, that's mean with 20,000 voters, one Indian majority Parliamentary constituency when it can be done for Putrajaya for 5,000, why not for State Assemblies, 10,000 for State Assemblies?*

Cadangan kedua - Adalah terdapat tiga, *our estimate is there are 300,000 orang dari kalangan masyarakat India yang telah dinafikan kad pengenalan dan juga kewarganegaraan. They must be registered when 2,237,978 foreign workers could be registered within 39 days, why can't 300,000 Indian poor be register and prepare them to be voters within the next general election?*

Cadangan ketiga - Bahawa parti kami, *before even the election, they do not want to register us. The government is not..., we cannot contest under our party if we are only a preterm party although there are 33 other parties which are approved by the government. There's a party even two weeks they get approve and then they are 46,871 NGO's approved nationwide, according to ROS list, but only HINDRAF is refused to be registered, why?*

Cadangan terakhir - *Automatic registration for all 21 and above, including those not only at 21 but wo are 40, 50 who are not registered also turut dijadikan pengundi.*

Akhir sekali Tuan Pengerusi, *under Appendix 1, at page 4, I will be finishing in two minutes time* Tuan Pengerusi. *In Perlis Tuan Pengerusi, where hail from, 100% of all State Seats adalah about 84.2% Malay majority are all within below 10,000 voters* Tuan Pengerusi. *The USA are black carrying a Muslim name can become the president to protect the minorities but this may not happen in Malaysia. For the Orang Ulu, I've also listed out the four Orang Ulu constituency. In Sarawak sahaja Tuan Pengerusi, terdapat lima kawasan Parlimen, sorry, terdapat tujuh kawasan Parlimen di Sarawak di mana terdapat 20,000 dan kurang pengundi. Sabah pula, we have listed out tiga kawasan. Jadi itu sahaja, terima kasih.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Terima kasih. *Any comment* daripada Jawatankuasa?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, kita ucapkan terima kasih kepada Encik Uthayakumar atas pembentangan cadangan-cadangan ini.

Kalau mengambil daripada contoh-contoh yang beliau bawa, bukan contoh luar negara pun, dalam negara Sarawak misalnya, memang nyata masyarakat pelbagai kaum ada wakilnya atas sebab kekuatan undi mereka dalam sesuatu kawasan. Di sini di *highlight*kan bahawa tidak ada mana-mana kawasan, baik DUN atau Parlimen yang kalau bertanding atas kaumnya, orang India tidak ada satu Kerusi. Itu yang dimaksudkan Encik Kumar ya?

**Encik P. Uthayakumar:** Ya, benar.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi saya rasa cadangan ini wajar juga kita lihat. Kalau di *Singapore* kita ada GRC, kalau tempat lain ada lantikan khusus. Kalau di Terengganu kita ada peruntukan dalam DUN, kalau tidak ada wakil-wakil daripada kaum-kaum tertentu Cina dan India, maka undang-undang di negeri Terengganu boleh melantik wakil sedemikian, kalau mengikut undang-undang. Jadi ini satu cadangan yang saya rasa elok juga kita teliti kerana ianya akan menggambarkan satu suasana seperti di lain-lain tempat di negara kita ini yang sesuatu kaum itu kelihatan macam mendominasi.

Cumanya kita hendak melihat Malaysia ini sebagai satu negara yang siapa-siapa boleh bertanding, di mana-mana dan jurang perkauman ini harus kita rapatkan dan rasa hormat, rasa sokongan itu perlu datang atas kredit, atas merit masing-masing calon, kalau kita boleh lakukan sedemikian. Jadi adakah tidak cadangan ini sedikit mundur, *it's a bit* mengundur ke belakang. Bagaimana komen Encik Kumar.

**Encik P. Uthayakumar:** Komen saya ialah jika, *you see in any democracy especially in the Western democracy and Western civil societies, the majority bend backwards to protect and to speak up and lend voice for the minorities. But in Malaysia, the minority and the majority choose to speak for, as I mentioned just now, 93% Malay, Chinese, Native and political gallery.* Jadi apa yang saya hendak nyatakan di sini, *if the Malay and Chinese political leaders in particular had also spoken for the Indian poor, we do not even one want Indian majority Seat, tidak payah, tidak perlu, we don't need it. The thing is the Malay, Chinese political leaders do not speak and then we speak we get accused of being racist and no takers. The issues are very-very critical. If you care to read www.humanrightspartymalaysia.com, we documented in on a day-to-day basis, we report it on a day-to-day basis which no other community in Malaysia.*

*For example Dr. Hatta... [Merujuk kepada Yang Berhormat Kuala Krai] ... You say in Malaysia, the Malays, Orang Asli, Kadazan, Iban, Orang Ulu, everybody have got social safety net, they can go back to the kampungs.*

■1210

*Even in Malaysia, there are 607 Chinese New Villages for the Chinese to fall back on as their social safety net. Even the workers from India who washes plate in Brickfield, assuming something happen to him, he met with an accident, he paralyzes, he goes back to India, he got a village to go back to but the India poor in Malaysia, 99% they do not have a village. Where is their social safety net? So their problems are very-very serious and why the problem in 54 years has become so serious is because they never had a voice without fear or favor at the highest political level, that's our point.*

*Jadi saya rasa, the problem is of course there many excuses used to go around to avoid this very serious issue. Jadi hujahan saya adalah, tidak mundurlah.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okey, point taken.*

**Encik S. Sugumaran:** Tuan Pengerusi, kalau saya boleh tambah sikit. Nama saya Sugumaran. Ada Ahli Yang Berhormat kata tadi yang ini langkah ke belakang tapi ini sebenarnya bukan langkah ke belakang, kita memang pun berada di belakang. Jauh di belakang, jauh di belakang sebagai sebuah negara demokrasi, kita jauh di belakang banyak negara lain. Jadi kita kena terima hakikat itu apabila ada cadangan yang drastik seperti ini kita kena hormat dan kita kena ambil langkah-langkah. Saya bimbang dan kecewa SPR sampai hari ini tidak boleh mengundi, tidak boleh mengadakan pengundian automatik untuk mereka yang berusia 21 tahun. Bisnes SPR ialah mendaftar pengundi. Tak perlu saya daripada luar, datang dan kata cukup 21 tahun suruh daftar automatik.

Tak perlu kita bagi cadangan. Tak perlu Putera kah, Puteri kah datang bagi cadangan. Ini kerja SPR, dia patut tahu. Dia sepatutnya lebih ke depan. Kalau SPR pun ke belakang, macam mana kita? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Encik Uthayakumar atas cadangan. *I'm sure you feel dengan izin, very passionate about your suggestion and I think I would agree that, and I should recommend to SPR to look at the distribution of voters and if possible we should create some constituencies where the Indian voters can naturally form the substantial group in some of this specific constituency possible but Encik Uthayakumar, just to assured your that at the grass root we really work as 1Malaysia.*

*For example, in my kawasan, Indian vote constitute 15% and we take that seriously. The 15% of the Indian voters we take it very-very seriously. Like in Rasah, the Indian voters considered about 20% to 22%. I'm sure you take them very-very seriously.*

*So there is no possibility of any elected Wakil Rakyat whether Malay, Indian or Chinese neglected the pride of the poor entity of the other communities. We neglected them at our own peer, we neglected them to our own disadvantage and that is really of the 1Malaysia.*

**Encik P. Uthayakumar:** Tuan Pengerusi, very ringkas, secara ringkas Tuan Pengerusi. *For example that Yang Berhormat Dr. Fong said that, they are given serious attention on Indian problem. Just a very simple example which is the tip of the iceberg Tuan Pengerusi, for example, 54 HINDRAF activist where arrested and charge in court. But okay on the one hand whereas we have enough MP in Parliament, enough political leaders, Malay and Chinese political leaders in Parliament, 1661 BERSIH rally participants who not prosecuted, and 20 over who where prosecuted including 14 counselors, the charges where drop, why?*

*Because with no disrespect, the Malay and Chinese political leaders, they bringing out at Parliament, they put enough pressure but for the 54 HINDRAF participant who were fighting for the India poor, until now their charges remains. They we fighting not on the personal cause, they fighting for the public cause, for example. So the issue of seriousness macam kata pepatah Melayu, menanam tebu di bibir you know. It just nice to say but in reality tak ada. Kalau memang ada, we wouldn't be here in the first place. In fact, the 100,000 HINDRAF rally on 25 November 2007 who don't have taken place, had the Malay and political Chinese leaders in particular spoken up also for the Indian poor. So the problem is very-very serious.*

*And my last point Tuan Pengerusi adalah for example Tuan Pengerusi, when it come to kawasan, people has ask me then we go to Klang, Shah Alam, Sri Muda, Sri Andalas, Kapar and that area, everywhere you see, you see Indian but in the whole of Malaysia, there is no Indian majority constituency. We feel Tuan Pengerusi, it is design in such a way to paralyzes the Indian, to deprived them from having a voice, an independent voice at the highest political level, and 1Malaysia, I wish it was there in reality. Terima kasih Tuan Pengerusi.*

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya kena mengalu-alukan lah Encik Uthayakumar sebab dia penduduk di kawasan saya, dari Rasah. Jadi *I just want to focus on the satu isu spesifik.*

*oint* yang kedua yang dibawa oleh Encik Uthayakumar yang mengatakan bahawa terdapat kira-kira 300,000 *Indian poor* yang telah dinafikan kad pengenalan kewarganegaraan, yang diberikan *stateless* dan sebagainya.

Jadi mungkin dalam *point* ini saya berharap bahawa Jabatan Pendaftaran Negara boleh *verified*, sama ada nombor yang dikatakan ini, 300,000 ini adakah ia selari dengan angka, data yang ada dalam Jabatan Pendaftaran Negara, dan apakah langkah-langkah, mungkin daripada Jabatan Pendaftaran Negara yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah ini kerana saya rasa semua dalam bilik ini mahu melihat bahawa kalau mereka ini dilahirkan di Malaysia, yang tak ada taraf kewarganegaraan, kita mahu melihat mereka diberikan *IC*, diberikan taraf kewarganegaraan dan sebagainya kerana memang kita pun sedang *deliverate* isu mengapa ada warga asing yang diberikan kewarganegaraan dan diberikan status pemilih dan sebagainya dan kalau rakyat kita sendiri yang tidak mendapat taraf kewarganegaraan ini, sepatutnya ini menjadi *priority*, diberikan perhatian yang penting dan saya harap mungkin Jabatan Pendaftaran Negara boleh memberikan sedikit respons tentang data-data ini. Terima kasih.

**Encik P. Uthayakumar:** Tuan Pengerusi, *just to clarify* Yang Berhormat Loke punya *point*. Kita telah pun pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara di Putrajaya *and the figure 300,000 was just before the 2008 General Election*. Pada penghujung tahun 2007, bekas Menteri Besar Selangor pernah menyatakan bahawa dan memberi kenyataan *and it was reported in the papers that* di Selangor sahaja terdapat 40,000 kanak-kanak yang tidak mempunyai Sijil Kelahiran. *So based on that our estimated nationwide was 150,000 who was denied Birth Certificated and 300,000 were denied.*

*I just used the word "denied" because when we go to the counter, it's a different story all together. Even when we take them to the counter, berbagai-bagai helah. You know kalau boleh seribu daya, kalau tak boleh seribu dalih yang diberikan. So inilah masalah yang dihadapi. Bukan mereka tidak mempunyai kad pengenalan ataupun Sijil Kelahiran tetapi mereka dinafikan oleh kerana unreturned policies of the government. So the problem is like a quicksand, is pooling the Indian poor further and further down. Problem are very-very serious, believe me - reading is believing, seeing is believing. Please read our website. We document it on day-to-day basis. Every day, ten issues we document base on newspapers cutting alone. This is just the tip of iceberg but there's a lot more through it beyond that.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Terima kasih. JPN ada nak buat komen? Sila.

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Sri Pengerusi. Dalam hal ini, JPN ingin memaklumkan bahawa dalam tahun ini sahaja kita telah membuat pelbagai *outreach program* iaitu Mobil Unit MyDaftar dikebanyakan negeri di Semenanjung dan kita dapati bahawa yang datang membuat permohonan tidaklah setinggi seperti yang dinyatakan dan kita akan memberi sama ada Sijil Kelahiran Lewat ataupun warganegara berdasarkan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan dan sampai sekarang ini mengikut *figure*, tapi saya tak ingat betul-betul Yang Berhormat, saya boleh bagi kemudian *figure* yang memohon, jumlah yang dikatakan adalah jauh lebih rendah dan kita memproses daripada semasa ke semasa dan kalau betul-betul pihak yang mengutarakan maklumat ini, betul ada 300,000 yang dinafikan hak untuk diberi taraf warganegara ataupun sijil lewat lahir, sila sediakan tempat, *anytime* Jabatan Pendaftaran Negara boleh turun untuk mendapatkan maklumat. Kita bersedia dengan orang-orang kita dan borang-borang. Kita boleh proses bila-bila masa sahaja kita boleh turun. Terima kasih Yang Berhormat.

■1220

**Encik P. Uthayakumar:** Tuan Pengerusi, *last point* Tuan Pengerusi. Jika benar Tuan Pengerusi, *we have got 200 over cases* yang ada dalam simpanan fail kami dan *99% of the cases are not solve*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *From 300,000 to 200 over now?*

**Encik P. Uthayakumar:** *No, no 300,000 is our estimated the people we have reached, who come to us, we got about 200. Others 200, 99% we take it personally to Putrajaya. I think it just, they make it difficult, from the word "go", they make it difficult and then they show wayang kulit, if you notice in the newspapers Tuan Pengerusi, one person getting IC become a big issue, one out of 300,000. It just wayang kulit here and there especially in Tamil Media and we would like to suggest to the Jabatan Pendaftaran Negara people that advertised in the Tamil Papers saying that those to have IC, BC problems, please come to us...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Alright, okay...*

**Encik P. Uthayakumar:** *Give a hotline or whatever. So basically..., I'll finish up Tuan Pengerusi, just no political will.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okay, alright we are here to talk about like to reforms. Anyway JPN is here. She has given their assurance, so please follow-up. Now this is your opportunity. We are all here to help you. So thank you very much. I think Dato' Seri Najib has heard you....*

**Encik P. Uthayakumar:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So that's why, he has done a lot of things, alright. Okay, thank you very much.*

**Encik P. Uthayakumar:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okay, we have the last, last one, special request who promise he will not take more than 5 minutes.*

*[Saksi-saksi Persatuan Kebajikan dan Keadilan Selangor (JAWASS) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Encik Michael Soosay, dua orang? Sila perkenalkan diri dan terus. Jangan ambil masa lama sangat.

**12.22 tgh.**

**Encik Michael Soosay [Naib Pengerusi]:** Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Minta maaf, saya tidak dapat *channel*kan siapa Yang Berhormat dan sebagainya. Saya Michael Soosay bukanlah seorang penjenayah yang dicari-cari. Saya mewakili Persatuan Keadilan dan Kebajikan Negeri Selangor. Sebelah saya ialah Pengerusinya JAWASS. Kemungkinan besarnya pada hari ini kita bertuah kerana dapat bersidang kembali di sini untuk mendengar beberapa isu dan juga kritikan juga komentar daripada masyarakat umum. Terima kasih kepada Kerajaan Malaysia pada masa yang sama saya minta supaya isu-isu yang dibentangkan dapat dipertimbangkan untuk ketenteraman dan keselamatan rakyat.

Pertama sekali, saya tidak tahu sama ada isu-isu saya ini akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun kita ambil sebagai renungan semasa. Pada hadirin sekalian, pertama sekali janji-janji Wakil Rakyat. Ini ada juga kebenaran dan ada juga kepalsuan. Mungkin ada pihak yang selama ini tidak mengambil sebarang tindakan. Bagi saya, saya ingin memberikan cadangan bahawa jikalau dalam sesuatu semester ataupun *term* kita diberikan peruntukan melalui DUN tertentu, apa salahnya kalau ADUN kawasan tersebut membentangkan laporan kewangan dan juga laporan kemajuan kepada rakyat di kawasan itu untuk memastikan ia memberikan suatu kemantapan dan juga memberikan satu kemapanan dan juga satu kewarasan pemikiran rakyat di kawasan itu. Setakat ini tidak ada usaha-usaha seperti ini dibincangkan.

Keduanya yang saya ingin pastikan di sini segala informasi ataupun pengetahuan ataupun dikatakan berita-berita semasa daripada kementerian-kementerian ataupun jabatan dan juga agensi, daerah jarang sampai ke kawasan-kawasan pedalaman.

Ini saya bukan hendak menuduh atau menuding jari kepada mana-mana pihak cuma saya hendak pastikan bahawa berikan satu saluran yang betul supaya informasi-informasi kementerian, jabatan, agensi dan juga pejabat-pejabat yang melingkungi kawasan-kawasan daerah sampai kepada Pejabat ADUN dan seterusnya kepada kami masyarakat yang ada di kawasan itu.

Pada masa yang sama juga kita minta satu lagi resolusi harus dibuat untuk memastikan ketenteraman dijamin, keselamatan terlaksana dan memberikan erti demokrasi yang baik kepada masyarakat setempat. Saya sendiri merasa bahawa mandat dan kepercayaan pada pemimpin terlalu besar, melaut dan meluas samudera saujana mata memandang. Ini isu saya rasa lompat parti, walaupun tidak sesuai bincang di sini tetapi saya rasa ia membawa kepada kebenaran daripada masyarakat kerana apabila mereka melompat parti bermaksud rakyat di situ disingkirkan ataupun kebajikan rakyat di situ disingkirkan.

Saya mewakili kawasan DUN Cherat, saya mewakili kawasan Parlimen Kampar dan saya sendiri memastikan di situ bahawa banyak lagi insan-insan yang menadah tangan, bantuan tidak sampai dan banyak lagi isu kemiskinan dan kefakiran berlaku di sana sini dan mereka boleh dikatakan seolah-olah meminta sedekah.

Jadi saya ucapkan ribuan terima kasih malah jutaan terima kasih kepada sidang ini kerana mampu mendengar rintihan dan juga cadangan-cadangan daripada pihak kami. Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Terima kasih Encik Michael Soosay. Kita sudah ambil catatan pada setiap apa yang dicadangkan dan kita ucapkan terima kasih. *Thank you.*

**Encik Michael Soosay:** Baik, terima kasih. Saya harap kata tidak hanya tinggal kata-kata sahaja. Pastikan benda ini kita hendak lihat penyelesaian sebab ini adalah perjuangan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kita akan maklumkan sewaktu perjumpaan di Kampar.

**Encik Michael Soosay:** Terima kasih. Ini merupakan satu perjuangan rakyat dan pilihan raya yang akan datang ini bukan satu permainan macam catur. Ini akan merupakan satu permainan yang agak sengit dan pastinya kita akan melihat kemenangan kepada kebenaran. Sekian terima kasih. Mudah-mudahan dirahmati oleh Tuhan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Okey, sekarang sudah 12.27. Saya ingat sudah sampai masanya kita tangguhkan untuk kita kerana ada orang-orang Islam yang hendak menunaikan solat Jumaat. Kita balik semula pukul 2.30 petang. Siapa yang hendak *lunch*, ada disediakan *lunch*. Okey ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 12.27 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.38 petang.**

**Tuan Pengerusi:** Okey Ahli-ahli Yang Berhormat. *I think* masa sudah tepat untuk meneruskan hari pertama Sesi Pendengaran Awam bagi kawasan tengah. Pagi tadi kita telah selesai kira-kira lapan pasukan ataupun kumpulan dan individu yang telah pun datang. Setakat ini ada dua sahaja untuk sebelah petang. Untuk itu saya boleh membenarkan Puan Annie Ooi Siew Lan yang hadir sebagai individu untuk berhadapan dengan ahli Jawatankuasa.

Okey, terima kasih. Sila duduk dahulu. Selamat petang kepada Puan Annie Ooi Siew Lan dan terima kasih kerana sudi datang untuk berhadapan dengan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai dengan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya. *Just to remind. Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia is the language of delivery, but with permission, you can speak in English. You can speak in English and we are in the Parliamentary setting, it is a Parliament session, except it is in the presence of the Committee. You request to be heard and we appreciate your presence and of course, the focus as you know in penambahbaikan, means improvements that you want to look at in terms of the electoral process in Malaysia and with regards to that,* saya jemput Puan Annie. Barangkali mula dengan memperkenalkan diri. *Introduce yourself. I give you sepuluh minit. Ten minutes to make the presentation and then the Members may want to ask further questions. Okay?*

■1440

*[Saksi individu (Puan Annie Ooi Siew Lan) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**2.41 ptg.**

**Puan Annie Ooi Siew Lan [Individu]:** *Good afternoon Mr. President, and all dignitaries. I am Anne, individual speaking for Malaysians - speaking for voiceless people, like you had this morning, the blind. Speaking for elections to be fair, the vote to be given to every living 21 years old and above, the one who is sick in hospitals even...*

**Tuan Pengerusi:** *Of course, Malaysians, ya?*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *Malaysians. How do you classified Malaysians now?*

**Tuan Pengerusi:** *Malaysians. How do you define a Malaysian citizen of this country? Malaysian citizens of this country with the documentations that is acceptable according to the Constitution.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *Okay. So, we have Malaysians abroad and we want the postal votes. Their postal votes here on election day. Everyone living abroad. We would like all the nurses, doctors, whoever is on duty. Soldiers, police, to be able to vote too and we don't want any more corruption.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *How do you suggest this soldiers, police...*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *Technically...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Sorry, how you suggest they vote, how, how?*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *I am throwing the suggestion to the group, right? I'm not giving you the solution.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Okay.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *I'm asking for it. You have to look at it.*

**Tuan Pengerusi:** *We are having this what we call public session is because also we want ideas from you, how to do it. So that, what we have in mind maybe also concurred by good citizens like your goodself. Anyway, you just speak first. If we need to interject, because we are asking for additional information. Finish what you want to say in terms of this. Then we can interact.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *Just like any student taking any big exams, if the student is quarantine in a hospital, then examiner goes to that person, that child. So, if the sick person, the sick people in the hospitals are not able to go to the voting station. Can you do something about it? Can you do something about them, because they are unable to go to you. There should be no more corruption. There should be no corruption and this we are asking you for a fair, clean election. I already state eight demands, out loud and clear. Eight demands. I don't have to repeat all the eight demands. It is so clear. Okay, let say only the intelligence, only those who can read, can understand, but there are still, cakap pun tidak dengar. Ada yang kita cakap, you tidak dengar. And then, ada yang dengar pun tidak bertindak. Apa lagi? You kalau tidak bertindak di sini, tidak buat apa yang kita minta. Kita minta pun bukan banyak itu, bukan? Susahkah, susahkah ini keadilan?*

Pendaftaran Negara ini macam itu lagi, katanya kita sudah jaya, *where every child, everyone in this country should be already registered. What is it that is so hard about it, Jabatan Pendaftaran? What is it that is so hard about it? Why does it takes you so long and now you got pendatang.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *The reason why it so long, because they don't come forward to register. Itu sahaja.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *No.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So, now what is your solution? How do you suggest.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *You are a missionary, your manpower, your people. Okay, we got brain drain now. You got people intelligence and have to go out to just leave the country, because they don't want to work with people here who are not working. You want my solution? Yes, lets try. I will give it out in a few days, seven days, and solutions to what, to Jabatan Pendaftaran?*

**Tuan Pengerusi:** *It depends on what issue you want to raise.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *I would like all children to be daftar properly. Where you go for one thousand people not daftar...*

**Tuan Pengerusi:** *No, no. Daftar untuk apa?*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *No, no. I'm just talking about the earlier on before lunch, there was these guys talking about so many, so hard to get registration, so hard. Still will red ICs. How many years already? You are not working at it and now come election. Now come election. You are already 21...*

**Tuan Pengerusi:** *We are processing...*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *You are to be registered.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, have your way. Please be calm. This is Parliament in session. Whatever you say, word by word is recorded.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *Thank you Tuan Pengerusi. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *So, please be calm and say it nicely and from the depth of your heart and if possible, jangan mengadu sahaja.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *Okay, I'm sorry.*

**Tuan Pengerusi:** *Provide us some solutions. That is what we want to hear. Because it is so easy to just complaint, you know.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *I speak for the voiceless.*

**Tuan Pengerusi:** *I know. You got voice.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *That's all. That's all... [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *You got voice. Speak. I am giving you the chance to be a Member of Parliament for sepuluh minit.*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *I think my time is up. Thank you for your...*

**Tuan Pengerusi:** *No, no. I'm giving you some more. Anything more you want to say that...*

**Puan Annie Ooi Siew Lan:** *No. What you are asking from me is solution. It is so funny. I'm a simple, simple, very old person and I'm just saying the situation in this country. That is not right and I'm involved. That's it. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, any Members of Parliament, do you want to ask?*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *You can have a drink first... [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, you can also submit other things in writing when the mood is better. We are ever ready to listen. We have another five more Public Hearings and we have still about four months. So, if you want to engage with us, you are welcome to do so, especially if you have ideas in terms of how to solve those things. If you say there are problems, why can't we solve it? The way I see it, in favour to solve it, I would do it this way. We are keen to hear that kind of input. Okay. Then?*

**Tuan Loke Siew Fook:** *I just want to...*

**Tuan Pengerusi:** *Satu, Yang Berhormat Rasah.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *I want to say that Auntie Anne ini adalah seorang warganegara yang cukup courageouslah. I think she is a very courageous citizen of this country. She is also known as Auntie BERSIH... [Ketawa] She was in the very forefront during the rally. I think although she - I mean, she give her views. I think some of it are very valid views, especially she said the rights to vote for citizens who are not living in this country. Those are overseas. I think those are very valid views.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, those we will look into.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *...Nurses, doctors, Auntie Anne just to inform you that I think these are the things that SPR is also looking into it. To give the right to vote for those who are serving on polling day, like nurses, doctors and so on. But, we are looking at the mechanism, how to implement it in a fair and most transparent manner. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, exactly. Malaysians in overseas, we are looking at the mechanism. The question on how to facilitate that aspect so, if you have additional info on those things, you are very welcome. We are indeed concern about government officers, members of the public working during the election and have no chance to vote because of their commitment. We are concern about that.*

■1450

*This Committee will study deeper into the mechanics of the mechanism. As far as lapan tuntutan that you are referring, we are aware of that. Datuk Ambiga has been invited this morning, I understand that she might come tomorrow. Okay, alright, thank you. Saya minta pihak Parlimen menjemput Putera MIC. Putera sahaja..., puteri mana?... [Ketawa]*

*[Saksi dari Putera MIC Selangor mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**2.51 ptg.**

**Tuan Pengerusi:** *They are coming from the perspective of the overseas. Baiklah, Mr. Rao and Mr. Sayan. Welcome to this place, this Pendengaran Awam. Maybe sudah dalam mesyuarat pagi tadi, already you have quit familiar, dengan izin, this is a Parliamentary process, the sitting in process. So, everything is governed by the proceedings. You are free to air your pandangan-pandangan on the subject of how to improve the electoral process in Malaysia. If you have the memorandum that you brought, you can distribute to us. Saya beri 10 minit. You can speak in bahasa Malaysia or English too. If you speak in Tamil, I have to get some translator, Yang Berhormat Hulu Selangor to translate for you, but there is no position at the moment for Parlimen translators.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Tuan Pengerusi, I think can do a reasonably good job.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay. That is why we are multiracial here. So, if we start, we have enough people to be able to handle it well. Okey, dipersilakan, perkenalkan yourself and your partner.*

**2.52 ptg.**

**Dr. Venkates Rao [Ahli, Putera MIC Selangor]:** *Thank you Tuan Pengerusi. I am Dr. Venkates Rao, Malaysian student in India. I'm doing my dentistry over there. I'm also the Ketua Putera MIC for India and also Biro Antarabangsa who is also the Ketua Pelajar Malaysia di India sebelum ini and this my friend Kunalasegaran who is also doing physiotherapy in the same university with me in Chennai, India.*

*We are here today mainly to also give our opinions regarding the electoral system. First and foremost, saya kena rakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pihak kerajaan untuk menganjurkan sesi Public Hearing ini yang memberi peluang yang efektif untuk kami tampil ke hadapan untuk kemukakan pendapat masing-masing mengenai sistem election dalam negara.*

Cuma saya berasa sedikit sedih kerana untuk melihat respons yang tidak sebegitu hebat jika dibandingkan dengan demonstrasi jalan yang dianjurkan oleh beberapa NGO di mana beribu orang turun untuk berdemonstrasi tetapi pada hari ini di manakah mereka untuk menampilkan pendapat mereka mengenai *electoral reform*. Oleh itu, saya berharap agar rakyat akan menggunakan peluang ini untuk tampil ke Parlimen untuk mengemukakan pendapat mereka mengenai isu ini. Ada beberapa isu yang ingin saya cadangkan mengenai transformasi sistem pengundian dalam negara.

Yang pertama adalah mengenai pengundian untuk rakyat Malaysia yang menetap di luar negara di mana buat masa ini tidak ada kemudahan yang disediakan oleh pihak SPR dan juga pihak kedutaan Malaysia ataupun pihak konsulat bagi kami pelajar ataupun rakyat Malaysia yang menetap di sana. Kalau kita ambil India sahaja sebagai contoh, kita mempunyai lebih kurang 3,000 pelajar di sekitar dan seluruh India. Ini belum lagi termasuk rakyat yang menetap di sana, bekerja dengan pelbagai GLC dan juga syarikat-syarikat swasta yang lain di India. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada pihak SPR dan juga kepada pihak kerajaan untuk menyediakan kemudahan bagi mengundi bagi pihak pelajar dan juga rakyat yang menetap di luar negara.

Yang kedua adalah mengenai penyebaran peti undi. *How mobile can the SPR be, because if we take for example, in India we have 3,000 students all about in all places. We have the pejabat konsulat for India selatan in Chennai. If you take Chennai alone, we have only 200 students, but if you take places like Manipal and Bangalore, we have almost 1,000 to 1,500 students. The distance from Bangalore or Manipal to Chennai, it takes about 17 hours by road. Even to Bangalore it takes about five hours so, its a very huge distance and I don't think it will be a good idea to bring all the 1,500 students to Chennai for voting. Of course, we can't think about or consider New Delhi at all, because it is totally out of range.*

*So, how do we go about handling this particular problem? Is SPR ready to mobilize their peti undi to individual campus or at least we have about maybe a minimum range of 100 voters or 100 students. I hope that SPR can come out with a good solution for this. I'm only here speaking about India. What about other countries like whichever countries we have thousands of students and Malaysians been there.*

Oleh itu, saya bagi pihak Putera MIC India dan juga Biro Antarabangsa sekali lagi ingin menyeru pihak kerajaan dan SPR melalui Jawatankuasa Pilihan Khas ini untuk mengambil langkah yang serius dan efektif terhadap untuk menyediakan kemudahan untuk mengundi bagi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara di mana-mana kedutaan ataupun pihak pejabat konsulat yang terdekat dengan mereka.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak kerajaan, SPR dan juga Jawatankuasa Pilihan Khas ini untuk memberikan kami peluang untuk menyuarakan pendapat. Terima kasih, *thank you*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Saya ingin mengambil masa sedikit untuk barangkali Ahli-ahli Parlimen berinteraksi dengan Dr. Rao. *You are doing dentistry, you said doctor, you finish your dentistry or...*

**Dr. Venkates Rao:** Yes Tuan Pengerusi, *just finish my dentistry*.

**Tuan Pengerusi:** Wah, *congratulations*. Sebab perkara mengundi untuk bagi rakyat Malaysia di seberang laut ini satu-satunya yang memang banyak dibangkitkan. Namun, banyak masalah *or cabaran yang we have to overcome, at the moment, voting overseas provided by SPR for government officials and students. The process, I think is no problem, actual postal vote. Can I get SPR just to clarify on this. What is your system at the moment for Malaysians overseas, for students and for I think government officials in embassies so, how actually do you do it, you mail those things to embassies or what?*

**Encik Harun bin Che Su:** Tuan Pengerusi, mengikut amalan SPR, kita hantar kertas undi kepada pengundi kita di luar negara di mana mereka akan respons dengan menghantar balik kertas undi yang telah ditanda itu.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, dalam bentuk surat terus kepada alamat mereka.

**Encik Harun bin Che Su:** Ya, dalam bentuk surat kepada alamat individu.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi mereka mesti memohon, bukannya?

**Encik Harun bin Che Su:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak, kita tidak tahu di mana dia tinggal.

**Encik Harun bin Che Su:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** *So, they are registered* tetapi bukan senang hendak tahu, dia di *overseas* sana kecuali dia maklumkan.

**Encik Harun bin Che Su:** Betul. Sekarang ini Tuan Pengerusi, kita telah bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri di mana kita minta kenal pasti betul-betul alamat pengundi kita di luar negara. Di mana apabila kita dapat alamat yang lengkap, yang tepat, kita akan menghantar kertas-kertas undi.

**Tuan Pengerusi:** Kertas undi. *Direct* kepada mereka di alamat yang telah mereka beri. Jadi, ini mesti berasaskan kepada mereka yang berdaftar dan memberitahu bahawa mereka ingin mengundi, bukannya? Ataupun secara automatik kita kirim atau berasas kepada permintaan?

**Encik Harun bin Che Su:** Mereka kenalah mendaftar sebagai pengundi pos. Dia memohon.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Mendaftar sebagai pengundi pos. Bila itu diadakan, yang mendaftar sebagai pengundi pos? Sebelum *election* ataupun pada bila-bila masa?

**Encik Harun bin Che Su:** Sepanjang tahun mereka boleh memaklumkan kepada kita dan kita *update* maklumat.

**Tuan Pengerusi:** Itu masalah pertama. Dia mesti mendaftarkan sebagai pengundi pos sebelum pilihan raya.

**Dr. Venkates Rao:** Tuan Pengerusi, *where do we do that? Do we do that on the SPR side or...*

**Tuan Pengerusi:** Melalui *the embassy*.

**Dr. Venkates Rao:** Melalui *the embassy*.

**Tuan Pengerusi:** Melalui *embassy*. So begini, dengan begitu ada cadangan daripada pihak awam dan surat-surat yang kami telah terima bahawa membenarkan apa yang Dr. Rao telah berikan tadi untuk membolehkan untuk mendaftar. Dengar masalah, nombor satu kalau...

#### ■1500

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, itu kalau kita andaikan mereka sebagai pengundi pos, itu ada sedikit masalah juga dari segi tempoh. Kalau selepas kita tahu calon-calon tertentu, kita hantar pos pengundi itu, dia ambil dua-tiga hari sampai sana. Selepas dia hantar balik, dua tiga hari. Selepas kita terima pos itu, keputusan telah diumumkan. Bagaimana kita boleh atasi?

**Tuan Pengerusi:** Itulah antara masalah yang saya mahu bangkitkan. Saya bangkitkan dahulu jenis-jenis masalah dan nanti kita berinteraksi dan bertanya. Itu satu.

Keduanya, alamat itu yang diberi semasa dia menjadi pengundi pos, barangkali bukan alamat yang terkini juga apabila diberi. So, ada cadangan-cadangan, satu cara ialah bukan lagi melalui undi pos di mana kita pos kertas undi itu kerana kita tidak pasti barangkali boleh sampai walaupun dikirim melalui *embassy* tertentu. Satu cadangan lagi ialah untuk membolehkan pengundian di *embassy* kita. Akan tetapi *embassy* kita di Delhi ada *CJ office* barangkali dua sahaja, di India tiga di situ. Jadi, hanya di tempat sana sahaja yang boleh dilantik untuk membolehkan.

Cadangan ialah jangan bagi dalam bentuk surat tetapi *literally they go*, dengan izin, *to the embassy and there is a* peti undi *there and they literally follow* yang normal *transparent way, queue and* pangkah *and* masuk. Antara masalahnya bila itu diadakan sebab barangkali masa sudah hantar balik itu, kecuali kita sewa jet khas, sudah pun berlalu. Kalau masa mengundi itu, kempen itu *at the moment, of course* memang *confident* dalam perkara ini.

*It's between 9 days to minimum of six days I think, to 14 days whichever, up to the SPR lah. Ini pun banyak pandangan yang diberi. Jadi, masa itu tidak mengizinkan untuk sampai di situ. Akan tetapi kita terbuka apa-apa cadangan lain dalam perkara-perkara ini.*

Satu lagi masalah ialah kalau mahu minta mereka mendaftar di luar dan mengundi begitu, banyak kawasan, bukan satu kawasan sahaja. Barangkali 3,000 di India itu, 1,000 adalah pengundi. *You will never know*, barangkali 60 kawasan Parlimen *and how many* kawasan DUN untuk hendak agih-agihkan dan hantar semua itu *so, I buka apa-apa idea* tambahan, *how to deal. Actually*, dengan izin, *we want to accommodate. We want to find ways how to deal with this in a meaningful way. Any new points you have?*

**Dr. Venkates Rao:** *Okay, as one of the officers suggested of postal. I feel that postal will be a little difficult dealing with India because of the process and time concern. Depending upon the Indian Postal and all, I think it would be a little hassle which I don't think I can openly mention, number one.*

*Number two, it's again on the address, because most of us might have been only staying in the hostel. Okay, so all of us may only have a general address and things like that. But, mainly it is because of the time consumed where we don't get letters on time usually. That's what happens. So, I would again like to suggest that the best option would be voting in the embassy. You have a peti undi ini the embassy, everyone will be notified by the date of election, I mean the date where you can go and vote. We have the social media, we have our groups, we are very well connected, especially with the new media systems. So, we can just announce the particular date and the location where they can go and vote by and they can go over there and vote but, another question of how the...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Ya, how many hours are you behind us?*

**Dr. Venkates Rao:** *Two and half hours.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *What other countries, say in England?*

**Dr. Venkates Rao:** *Ya, that is another thing that we have to consider, but I think that cannot be the reason for us not to vote. So, there must be a solution from the SPR.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So, you are suggesting that they can go one day earlier.*

**Dr. Venkates Rao:** *Probably. I think there is no harm of you voting one or two days earlier, to make the transition period for SPR to go on smoothly. I don't think that it is a must for us to vote on the same day which I think will be a little difficult for them as well. So, but instead of that, I think we can't start the process seven day beyond, because I think seven days is too early.*

**Tuan Pengerusi:** Kalau kita tidak *mail to them all, so we will have to open the* peti undi *same time as Malaysia. Otherwise, we open early, if we transmit that is the* vote, bukankah. SPR *team* ada di situ, *which can be done, because* ada pegawai-pegawai. So, pukul dua pagi pun sudah buka peti undi, *then transmit, I think, through either fax or communication* bahawa kawasan Kota Marudu, kawasan saya, P168, *I had a lot of students in* India juga. Dia kata, ada dua undi di sini, untuk saya dan pihak lawan tetapi praktikal, pukul 8 pagi. *Because, you cannot open the vote while people are still voting in* Kota Marudu. So, *these are some of the practicality, that we have to over come.* Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma dalam subjek ini mungkin SPR boleh bagi sedikit penerangan lebih. Sekarang memang kita ada pengundi tidak hadir yang macam pegawai kedutaan dan sebagainya. Jadi, untuk menyelesaikan masalah seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi ialah kita kena tahu setiap kawasan itu ada jumlah berapa. Katakan sekarang kita perluaskan kepada lebih ramai untuk menjadi pengundi tidak hadir, kita perlu tahu setiap kawasan itu ada berapa ramai pengundi yang tidak hadir, pengundi pos. Katakan satu kawasan ada 200. Jadi, 200 itu apabila kita buka keputusan itu, kita tengok dia punya margin, majoriti. Katakan kalau dia menang 150 tetapi ada 200 pengundi tidak hadir yang di luar dan kita tidak tahu dia undi siapa. Mungkin nanti akan ditengok pula. Kena tunggu. Keputusan itu kena di *postpone* dahulu. Kena tunggu undi-undi itu balik ataupun kena buka undi itu. Mungkin sekarang ini saya tidak tahu apa mekanisme SPR mengira undi tidak hadir. Sebab sekarang ini memang kita ada pengundi tidak hadir di semua kawasan.

Saya tidak ada pengalaman dalam ini sebab margin itu terlalu kecil, sebab ia tidak ada kesan kepada majoriti sama ada menang atau kalah tetapi katakan kawasan. Ada kawasan yang menang 50 undi, ada pernah dalam PRU ke 12, lima undi menentukan siapa jadi pemenang. Akan tetapi sekarang ini saya tidak pasti bagaimana SPR mengira pengundi-pengundi yang tidak hadir ini. Mungkin SPR boleh memberikan sedikit maklumat tambahan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sebelum pihak SPR, memang ini digunakan di beberapa negara lain di mana kalau marginal kecil, dia tunggu sampai semua undi pos ataupun dari saluran-saluran lain seberang laut sampai, baru keputusan dibuat. Apa pandangan? Setakat ini ada dasar seperti itu? *Delayed announcement* kerana terlalu dekat dan *maybe* ada undi pos.

**Encik Harun bin Che Su:** Tuan Pengerusi, amalan sekarang ialah kita menunggu borang undi itu sampai kepada kita, kita buka pada hari yang sama, pukul 5 petang begitu, yang amalan sekarang di sini. Jadi, kita tunggu.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Selepas itu tidak ada.

**Encik Harun bin Che Su:** Tidak ada tetapi ini sekadar hendak maklumkan pengalaman di Singapura, mereka lain sedikit. Mereka 14 hari selepas pilihan raya itu, boleh terima lagi keputusan itu. Akan tetapi kalau ikut pihak berkuasa pilihan raya sana, undi pos sangat kecil dan tidak mempengaruhi keputusan yang diumumkan pada pilihan raya. Jadi, mereka boleh buka 14 hari kemudian. Akan tetapi itulah kita sedang mengkaji, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa ini boleh bincang lebih dalam lagilah. Yang kes tadi terlampau rapat, *less than certain - maybe* 0.1% begitu, kita bilang jangan umum dahulu kecuali kita pastikan setiap undi pos dari *overseas* sudah sampai. Kecuali masalahnya, kalau itu penentu siapa kerajaan, tidak ada kerajaan untuk 14 hari, susah itu. Banyak pergolakan... [Ketawa]

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebab kita punya sistem, *first past the post*, ini sangat penting. Walaupun satu undi, sebab kita pernah - bukannya tidak pernah keputusan pilihan raya kita banyak yang begitu tipis sekali. Beberapa undi, 50 undi. Dua undi pun ada. Jadi, ini perlu diperhalusi. Saya rasa banyak pihak pun tidak bagi perhatian pada bagaimana pengundi tidak hadir ini dikira, sebab kita yang bertanding pun banyak tidak tahu, mengambil kira pengundi tidak hadir ini. Jadi, saya rasa Jawatankuasa kena lihat bagaimana mekanisme untuk pengiraan undi tidak hadir ini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya rasa ada juga masalah yang ditimbulkan kalau kita ada 60 kawasan Parlimen yang pengundi-pengundinya ada di luar, di satu tempat, di Delhi misalnya, 60. Jadi, adakah kita akan adakan 60 peti? Saya merasakan kalau kita masih hendak ikut menghantar undi balik ke Malaysia, satu peti pun tidak apa. *All in one* peti, balik ke SPR, *sort* di situlah. Tidak jadi masalah besar bahawa kita memerlukan - hantar *straight* ke HQ.

■1510

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sekarang ini dihantar ke pusat-pusat pengiraan undi di kawasan Parlimen, *that's the present moment*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Begitukah?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dia berhubung *straight*.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi memang pun lewat sudah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Daripada pos, sebab banyak negara ada pengeposan pada kawasan masing-masing.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Akan tetapi ia punya prosedur, *envelop* itu, ada dua *envelop*. Satu *envelop* itu mengandungi alamat pengurus di kawasan dia mengundi. Jadi, katalah dia pangkah Ahli Parlimen Kangar umpamanya, dia duduk di London, dia sokong Ahli Parlimen Kangar, dia pangkah, jadi surat itu akan pergi terus kepada pengurus Parlimen Kangar.

**Tuan Pengerusi:** Dia masuk *envelop* itu?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yes, yes.

**Tuan Pengerusi:** Disediakan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yes, the letter will not come to Kuala Lumpur, it will go straight to Kangar. Jadi, begitu juga Kuala Krai, ia terus pergi ke Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi:** Bila sampai itu ...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi, sudah dikira tetapi kena sampai sebelum pukul lima. *All right, in realitynya*, mengikut SPR, saya ingat SPR boleh setuju, kebanyakannya tidak sampai *on time*, itu sahaja. Jadi, kalau kita *adopt* yang diamalkan oleh negara-negara lain, macam Singapura memberi masa 14 hari ataupun sebulan selepas itu pun tidak mengapa. Sebab bila kita daftar orang-orang yang hendak mengundi pos ini, kita akan tahu mengikut peti undi itu. Peti undi itu ada berapa undi pos, peti undi ini ada berapa undi pos, jadi kita tahu *whether that will be a deciding factor*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, isu pengundi luar atau *foreign voters* ini menjadi satu intipati penting dalam proses kita membahagikan pengundi-pengundi - *postal votes, early voting and overseas voting*. Saya rasa kita perlu melihat satu mekanisme yang paling efektif dan saya tidak tahu sama ada kita boleh buat keputusan. Kita boleh dapat pandangan tetapi keputusan yang lebih padu dan padat, kita harus buat supaya kita dapat satu saluran yang mana mereka dapat mengundi seperti mana yang dikatakan oleh wakil-wakil Putera MIC India. Seorang pelajar yang belajar di Bangalore, ada lebih kurang seribu pelajar di sana, dia tidak akan pergi ke Chennai yang akan ambil lima atau enam jam untuk mengundi, dia tidak pergi. Ya, *where does he post, to the embassy or back to the post. So, this is a mechanism where* SPR harus keluarkan syarat-syarat, mungkin dengan kerjasama dari Jawatankuasa ini. *We have to come out with a formula that we all can accept after hearing public inputs and opinions, what is the best way to get as many, not everybody probably, but as many voters living outside. Of course, checking on their criteria and qualifications of voting, then we vote.*

*It is an important thing that we should iron out and solve this thing for the betterment of majority of Malaysians who wants to vote.*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ada pertanyaan berbeza sedikit. Ini bukan orang Malaysia yang jauh sekali di luar negeri, cuma wilayah. Kita dari Sarawak dan Sabah. Ramai orang Sarawak bekerja di Semenanjung, di Johor memang ramai di sana. Jadi, untuk mereka ini balik semasa diperlukan untuk membuang undi, ramai juga bermasalah. Jadi, adakah tidak kita hendak mengambil kira juga untuk diberi peluang mereka ini dapat mengundi secara pos tadi sebab itu hak mereka untuk mengundi. Cuma mereka mungkin tidak mampu hendak balik. Minta pandangan daripada SPR juga.

**Tuan Pengerusi:** Undang-undang dan peraturan sekarang ini memang tidak boleh, *but we can recommend for* perubahan, kita boleh timbang.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya rasa dari segi keadilan...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Orang-orang Semenanjung kerja di Sabah dan Sarawak pun mereka tidak...

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul-betul.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Kalau kita izinkan sistem itu, akan kacau banyak kerana saya duduk di Seremban tetapi undi saya di Kangar. Macam mana, saya pun *postal vote*? Tidak boleh.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Pengerusi, saya ada berlainan sedikit kerana Sabah dan Sarawak ini kita berpisah begitu jauh. Kalaulah Sarawak, kalau di Kuching dan Kapit tidak payah, itu pun sejauh dengan Seremban. Maksud saya, Sarawak dan Sabah ini kita dipisahkan oleh Laut China Selatan.

**Tuan Pengerusi:** Jauh, tidak dapat dihubungi dengan jalan dengan kereta.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Cara dia hendak menyelesaikan, dia tukarlah, mengundi di sinilah. Itu caranya.

**Tuan Pengerusi:** Itu satu cara tetapi mereka ini fahamlah, seperti juga banyak orang Perlis di Kuala Lumpur tetapi dia sentimental undi, dia boleh pakai kereta, kami mahu terbang, ini masalahnya. Akan tetapi sebelum itu, saya mahu tahu berapa banyak yang mendaftar sebagai pengundi pos saat ini, ada *figure*?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Bilangan mereka yang daftar sebagai pengundi pos di luar negara. *Can you give the exact figure?*

**Tuan Pengerusi:** Esok boleh bekalkan.

**Encik Harun Che Su:** Saya minta tempoh Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sila bagi *exact figure* esok untuk kawasan-kawasan sebagai contoh.

**Encik Harun Che Su:** Boleh.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Okey, sebelum kita pergi ke tempat lain, saya ingin hendak menjelaskan sedikit di sini sebab ada negara-negara lain yang mengamalkan sistem undi pos, serupalah. Sebab mereka pun mempunyai warganegara mereka yang duduk di luar negara. Sebagai contoh, di Australia umpamanya, sebuah negara yang demokratik macam negara kita. Mereka membenarkan rakyatnya mengundi, rakyat di luar, asalkan dia tidak duduk di luar lebih daripada enam tahun. Yang lebih dari enam tahun, tidak berhak mengundi sebab dia beranggapan bahawa mereka yang duduk lebih daripada enam tahun, dia tidak ada lagi hubungan walaupun dia *still Australians, but they don't have anymore feelings to Australia, they don't have*, dia tidak tahu, dia dah lupa.

**Dr. Venkates Rao:** *I support that sir.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So, in Canada* umpamanya, sebuah negara yang maju lagi, dia lima tahun sahaja. *After five years, you have no more link with the country although you are still holding the citizenship* tetapi *no more link*. *So, those are the advance countries of the world, there is one cut-off point* supaya *not everybody outside* dibenarkan. Jadi, itu juga ada cadangan begitu. Ada negara-negara yang membenarkan dua sistem, caranya. Satu, *in person, you* pergi ke *embassy* dan pangkah. Satu lagi *by post, you can make your election* bila *you* daftar sebagai pengundi situ. *But*, seperti mana yang kita semua sedia maklum, *not many are registered* sebab dah lama di luar, dia berasa leceh dengan *postal votes, but whatever it is, the integrity of the system* kita kena percayalah.

Katalah kita buat *postal votes*, kita hantar kepada *students* di India *for example*. *We have to accept the fact*, memang dia mengundi. Kalau dia ambil kertas undi itu, dia suruh *somebody else or somebody else pick up the paper, pick up the envelope, open it up and undi, that's it*, kita kena terima. *We cannot come and shout later on saying, "How can?"* Ini bukan orang yang mengundi. Ini orang lain yang mengundi ini. *How come? We were there, we were there campaigning, 1,200 students should be our votes*. Tiba-tiba tidak dapat. Jadi *you cannot, you have to accept that system. I'm just giving my opinion*.

**Tuan Pengerusi:** Okey Dr. Rao, *last one from you*.

**Dr. Venkates Rao:** Tuan Pengerusi *and all the Ahli Jawatankuasa Panel, thank you very much for your answers and I hope that this issue will be discuss and hope that we can get a better and effective solution for it. Another request to SPR which was announced, in order for us to vote, we have to register as a postal voter*.

*I hope that the government can emphasize on this, giving the information through Ministry of Foreign Affairs to all the embassies to notify the foreign students, I mean the Malaysian students in overseas to register themselves, because as for now we do not know officially that we have to do that. I did learn the information only from here. So, I hope that this piece of information should be emphasizing to the ministry, to the embassy and to all the students.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Full time students ya, make sure it is full time students.*

**Dr. Venkates Rao:** *Ya, full time students which we all will be there for five years, but please don't consider that we are there for five years, we cannot vote, because our course is for five years and that's my last request. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, baiklah dan terima kasih kepada Dr. Rao atas input yang telah diberi. Kalau ada lagi maklumat tambahan atau pandangan tambahan, *just e-mail to us*. Baiklah, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Tadi ada satu lagi tetapi sebelum itu saya rasa pihak Jawatankuasa mahu berbincang lebih dalam lagi mengenai dengan apakah opsyen-opsyen yang ada untuk rakyat Malaysia di seberang laut ini supaya *Malaysians* boleh *express* haknya dalam soal pilihan raya ini.

#### ■1520

Jadi, banyak sistem di seluruh dunia kita boleh telitikan yang sesuai untuk lebih baik daripada yang sekarang ini yang kita gunakan iaitu mendaftar dulu dan lepas itu kita kirim kepada mereka melalui *consulate* ataupun *direct address*. Saya minta nanti Jawatankuasa *I think* kita tumpukan masa bagaimana lagilah untuk tujuan ini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan adakah eloknya kalau kita melawat kepada *embassies* negara-negara yang kita fikir boleh membantu kita. *We visit the embassies, inform them in advance, how do they tackle postal votes in their countries*. Macam mana? Saya punya cadangan begitu, *rather than us going to England* dan sebagainya, *although* Yang Berhormat Wangsa Maju nak pergi ke England apa semua.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *I think*- Kementerian Luar ada di sini ya? Okey, boleh bantu Jawatankuasa dalam perkara ini? Kita akan hubungi beberapa negara yang ada *mission* di sini ini, *how do they deal with postal voting* daripada segi pelaksanaannya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kita *suggest* negara mana kita mahu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya setuju.

**Tuan Pengerusi:** Saya ada satu kertas kerja tempoh hari yang profesor buat itu.

Dia ada buat *comparison* lapan negara dan *just* pilih barangkali daripada itu, kita tanya *agency mission* dia di sini, bagaimana rakyat mereka mengundi dalam negara tersebut. Ada, ada. *Remember*, dia buat *comparative analysis* itu, kan? Nanti saya bekal kepada pihak Kementerian Luar. Hubungi mereka dan minta kemungkinan kita lawat atau kita panggil dalam mesyuarat kami, dua tiga *mission* yang kita rasa boleh membantu kita daripada segi pengalaman mereka, boleh? Okey. *We'll give you the list*. Yang Berhormat Alor Gajah, *not* Batu Gajah ya, Alor Gajah.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, bagaimana kita putuskan satu cara, sistem *voting* untuk *overseas Malaysians* itu adalah penting. Dalam konteks ini kita perlu SPR, saya haraplah mereka boleh sediakan sistem-sistem yang negara-negara lain yang menggunakannya, misalannya Germany dia pakai apa sistem.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey, satu isu yang penting bagi sayalah, kalau kita izinkan mereka buang undi dia di *embassy* misalannya dan di *embassy* itu mesti ada peti undi Parlimen 222, semua kerusi-kerusi DUN itu lebih kurang 600, *about* 600 *constituencies*. Kalau *you* kumpulkan satu. Masalah itu kalau kita - ya, ya, itu ada satu masalah. Kalau Yang Berhormat Kuala Krai, dari New Delhi kita tahu ada satu pengundi sahaja, satu. Kalau bila sampai, buka untuk *pass*. Ha, saya tahu itu kawan saya sudah lari, saya tahu dia bukan undi saya. Itu masalah, *no secrecy*. *The secrecy of voting* telah dijejaskan. Itu mestilah kita fikir bagaimana kita boleh jaga integriti itu supaya pengundi-pengundi tertentu tidak rasa terjejas.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *If the postal votes reach early, then we can always drop it into the main box.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Ballot papers are the same, ballot papers are the same*, jadi kita boleh campur.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tak boleh campur.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tak boleh campur ya? *No problem, there's no problem.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *If not, dia ada postal votes...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, ya. *Ballot papers are the same*. Dia buka, dia masuk dalam kotak yang belum dikira lagi. *Don't worry*, Yang Berhormat Kuala Krai, *don't worry*.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya baru dapat kertas kerja tadi. Ini *comparative table on overseas absentee voting*.

Negara yang disebut di sini, minta Kementerian Luar nanti barangkali buat perhubungan dan *check* antara mana daripada negara ini yang banyak mereka punya pengundi di sini dan apa stail ataupun prosedur yang digunakan. Satu ialah Australia, kedua ialah Kanada, ketiga ialah German, Indonesia, Itali, Lithuania, *Baltic Sea I think* dan Moldova.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Lithuania baru sahaja demokratik.

**Tuan Pengerusi:** Ya dan Moldova. Barukah itu?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** US belum ada?

**Tuan Pengerusi:** Tak ada, tidak masuk *comparison* ini tetapi US *is big*, kita boleh tanya juga. So, macam-macam, macam ini *voting period* kalau *postal*, misalnya Australia. *From receipt of postal voting until election day* tetapi dia tak kasi tahu *how many days earlier. Up to 13 days after election day* masih lagi *valid* dia punya *ballots* itu. Kanada, *postal voting* berapa lama *voting period from receipt of the postal votes, postal ballots until election day*. Ini samalah. Okey, nanti *these countries, I give you all this*. Nanti kita bekal semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya rasakan kita perlu melihat negara-negara yang melaksanakan sistem pilihan raya yang mirip kepada kita *iaitu first past the post*, yang bergantung kepada *constituency* seperti UK, Australia dan sebagainya. Saya rasa kalau negara-negara yang menjalankan *presidential system*, dia tak relevan kepada kita. So, kita kena ada - sebab masalah terbesar kita ialah masalah logistik. Bagaimana menghantar undi itu dan mengira undi itu. So, *I think* kita patut tengok negara-negara yang sama dengan negara kitalah.

**Tuan Pengerusi:** Australia, India, UK, Singapura. *Proportionate and first past the post. India I think is a first past the post, for some states.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** *Most of the European democratic countries, countries that has the same kind of democracy with king, like the Scandinavian countries, also they have similar democracy, first past the post.*

**Tuan Pengerusi:** Banyak lagi *country* pula ini. New Zealand, Philippines, Poland, Portugal, Russia, Spain, Thailand dan Ukraine. Ini yang digunakan oleh profesor ini untuk *comparison*. Nanti kita pilih yang mana yang banyak ahli anggota mereka di sini dan apa mekanisme dan barangkali kita boleh jemput hadir. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu lagi yang telah memohon. Ini adalah Pergerakan Pemuda Malaysia di bawah *Youth Malaysians Movement*. Mr. Lim Peng Hooi *came in for the* belia.

[Saksi dari Pergerakan Pemuda Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

**Tuan Pengerusi:** Okey, saudara Lim Peng Hooi, barangkali tadi pagi sudah juga menghadiri dan *you are very familiar*, dengan izin, *with the procedures. This is Parliament in session. Every word that you say is recorded and put in Hansard. You may speak in bahasa Malaysia dan, dengan izin, bahasa Inggeris. Dipersilakan. Introduce yourself.*

### 3.29 ptg.

**Mr. Lim Peng Hooi [Young Malaysians Movement]:** Selamat petang Tuan Pengerusi dan kepada semua. Saya Lim Peng Hooi dari Pergerakan Pemuda Malaysia atau *Young Malaysians Movement (YMM)*. Kami dari YMM menyokong usaha kerajaan dalam hasrat untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem pilihan raya negara kita. Kami yakin bahawa Jawatankuasa ini akan dapat menjalankan tugas dengan baik dan mencapai objektifnya. Namun demikian, kami YMM ingin menyeru dan meminta semua ahli Jawatankuasa dapat mengetepikan unsur-unsur parti politik masing-masing dan bekerjasama secara ikhlas dan rasional untuk kebaikan negara kita. Pandangan YMM adalah seperti berikut:

- (i) Kami menyokong cadangan untuk mendaftarkan rakyat berumur 21 tahun secara automatik sebagai pra pengundi tetapi memandangkan kepada hak asasi perseorangan dan berhak untuk memilih dan maklumat individu yang mungkin tidak terkini dalam sistem MyKad, maka kami ingin mencadangkan bahawa ia perlu dilaksanakan dengan menambah proses pengesahan kepada pendaftaran tersebut. Proses pengesahan ini akan mengesahkan sama ada individu tersebut menerima pendaftaran tersebut dan mengemaskinikan data beliau. Malahan juga dapat memberitahu individu tersebut tempat Parlimen dan DUN negeri didaftarkan dan juga menetapkan tempoh pengesahan tersebut selama enam bulan. Individu yang tidak mengesahkan pendaftaran akan dianggap tidak menerima pendaftaran tersebut.

### ■1530

- (ii) Kami juga memandang serius terhadap *transparency* undi dari rakyat luar negara dan undi tentera. Kami memahami bahawa keperluan untuk mengadakan pengundian lebih awal untuk golongan tersebut.

Kami mencadangkan supaya memperkuat lagi pemerhatian dalam pengundian tersebut, misalnya menghantar pemerhati yang neutral. Data di dalam rekod Suruhanjaya Pilihan Raya kadangkala tidak dapat yang betul dan tidak dikemas kini, misalnya sudah pindah rumah, meninggal dunia dan sebagainya. Kami mengharapkan agar SPR membuat proses pengemaskinian di tempat yang mudah untuk rakyat berurusan seperti di pejabat pos dan lain-lain.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Saudara Lim Peng Hooi. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat ada pertanyaan-pertanyaan yang perlu diadakan. Ini pengundi secara pendaftaran automatik. Perkara ini banyak dicadangkan, awal pagi pun begitu tetapi saya *just highlight some the problems that can come and then* barangkali bagaimana untuk mengatasi itu. Dari segi pendengaran awam, memang ini satu yang dilaksanakan oleh beberapa negara termasuk Australia dan begitu. Masalahnya ini disentuh oleh Saudara Lim juga iaitu alamat itu semasa didaftarkan barangkali bukan alamat yang terkini.

Jadi, kalau kita dalam kad itu, itulah yang kita bilang mahu dikemas kini dahulu. Kalau SPR gunakan itu, maka dia tidak tepat bahawa dia tinggal di tempat itu walaupun itu dalam kad pengenalan dia sebab banyak orang yang tidak kasi *update* tempat tinggal dan dia masuk dalam data profil dia sama dengan kad pengenalan. Kalau itu digunakan sebagai penempatan di mana dia harus mengundi iaitu berasaskan alamat, maka itulah antaranya. Barangkali alamat itu tidak tepat, dia tinggal di Perlis tetapi alamat di dalam kadnya itu masih lagi di Kuala Lumpur pada masa dia bersekolah ataupun semasa bekerja, ini antaranya.

Kedua, saya rasa automatik *registration* memerlukan perubahan Perlembagaan sebab Perlembagaan mengatakan *the time you are qualified* iaitu *time* dia berdaftar. Okey, jadi kalau berdaftar itu adalah usaha sendiri, *when you are fit to be registered, voluntarily* tetapi kalau ini automatik, maka kita perlu ubah Perlembagaan. Jadi, itu antara cabaran untuk perkara ini tetapi kita boleh minta pandangan bagaimana lagi mempercepatkan inilah.

Juga ada yang mengatakan, automatik pendaftaran, okey banyak pengundi tetapi kalau dia tidak keluar pergi mengundi, bikin apa juga? Jadi, pagi tadi belia mengatakan kalau satu penggal dia tidak turun mengundi, gugurkan nama dia kerana dia tidak timbul tetapi kalau satu kali mengundi ngam-ngam jauh, ngam-ngam sakit waktu itu, kita gugurkan, macam mana? Ini juga dia ada haknya, bagaimana? Akan tetapi cadangan itu adalah cadangan yang baik. Saya rasa kalau pandangan belia memang luas. Ada komen tambahan?

**Encik Lim Peng Hooi:** Perkara yang kami cadangkan itu automatik register itu kalau semua yang pra *registration*, yang sudah pra pengundi, kami mencadangkan agar SPR memberi 6 bulan atau satu tahun untuk pengesahan. Pengesahan mungkin di pejabat pos atau semua so, selepas *you* buat pengesahan so, *you automatically* jadi pengundi yang sebenarnya. So, kalau yang itu kalau pilihan raya tidak datang, dalam satu tahun *you* sudah buat pengesahan, *you automatic become* pengundi.

**Tuan Pengerusi:** *Yes. What you are saying is that*, dengan izin, selepas *automatic registration*, beri enam bulan, hantar borang untuk pengesahan. Adakah alamatnya tepat, adakah diterima atau tidak, begitu? Siapa yang tidak mahu terima jadi pengundi, tolaklah. Begitu? Sistem yang dicadangkan. Okey, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya merasa sebenarnya tidak menjadi masalah kita membuat pendaftaran automatik ini. Ertinya apabila automatik, semua orang jadi pengundi, yang muda-muda ini. Kalau dahulu, sekiranya tidak berminat, dia tidak mendaftar pun. Ertinya, kalau dia tidak hendak mengundi, dia tidak daftar pun. Sekarang nama dia ada, tak nak mengundi, tidak mengundilah. Macam itu juga tetapi kalau tiba-tiba macam 1999 kalau kita masih ingat, semua orang rasa *aware* hendak mengundi *and they discover at the age of 55*, dia orang belum mendaftar lagi. Kalau sudah didaftarkan secara automatik ini walaupun dia hendak mengundi di sesuatu tempat tetapi nama di tempat lain, *well, better than none at all*. Ertinya, dia boleh buat begitu. Jadi, saya rasa kalau dia memang jenis berminat, maka dia akan pindahlah ke tempat yang dia hendak selepas automatik *voting* tadi ini. Saya rasa *should not be a problem* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cabaran-cabaran supaya kita cari penyelesaian-penyelesaian. Okey, Yang Berhormat Alor Gajah.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, hanya satu segi yang disebut oleh Tuan Pengerusi ini, Perlembagaan kita perlu dia berdaftar. Dari segi prinsip memang kita semua bersetuju, seorang rakyat Malaysia mesti berhak untuk mengundi. Jadi, tafsiran daripada Perlembagaan, bagaimana kita boleh interpretasikan secara senang.

Tadi saya ambil cadangan, kalau kita perlukan setiap rakyat Malaysia apabila dia sampai umur 21, kena tukar MyKad. Kalau tukar MyKad, kita andaikan sebagai itu cara dia mohon- sebagai tafsiranlah, sebagai satu cara dia memohon untuk menjadi pengundi, semi automatik. Kalau mereka tidak mahu tukar MyKad, apa boleh buat. Saya rasa itulah satu cara yang kita boleh buat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Dengan izin Tuan Pengerusi. Saudara Encik Lim Peng Hooi, terima kasih atas cadangan-cadangan yang diberi. Saya ingin mendapatkan pandangan saudara atas umur.

Apa pendapat saudara kerana saudara juga mewakili golongan pemuda Young Malaysian Movement, umur kelayakan untuk mengundi, adakah 18 tahun atau 21 tahun?

**Encik Lim Peng Hooi:** Kami dari YMM, kami mencadangkan umur 21 tahun.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Encik Lim ini juga luar daripada apa yang Encik Lim cadangkan. Saya hendak *break* Encik Lim punya *mind* sebagai seorang wakil pemuda, golongan muda ini. Ada cadangan yang kita dengar daripada awal pagi tadi berkenaan dengan untuk hendak mengelakkan penipuan undi hantu dan sebagainya untuk digunakan sistem dakwat kekal. Macam mana pandangan Encik Lim, adakah Encik Lim dalam jawatankuasa biasa membincangkan perkara ini iaitu menggunakan dakwat kekal supaya kalau dia datang, dia hendak mengundi dan sebelum mengundi, disahkan identiti semua sebelum diberi kertas undi, dipalitkan dengan dakwat kekal supaya dia tidak boleh balik sekali lagi ataupun pergi ke tempat lain dan mengundi kali kedua, macam mana?

**Encik Lim Peng Hooi:** Berkenaan perkara itu, kami pernah *discuss* topik ini. Kami cadangkan semua pejabat pos ada sistem untuk pengesahan semua MyKad atau *updated* MyKad. So, di kalangan rakyat, boleh memudahkan semua proses seperti kalau dia hendak tukar alamat atau apa-apa urusan, so dia boleh buat di pejabat pos.

Oleh sebab kadang-kadang di kampung, kawasan pedalaman mereka tidak boleh pergi tukar MyKad sebab mereka tidak tahu SPR ada pameran atau *small roadshow*. So, mereka tidak tukar *address* dan tidak buat semua itu so, kami cadangkan semua itu boleh buat di pejabat pos bagi memudahkan semua orang buat. Kalau ini dapat dijalankan, semua boleh dipermudahkan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, siapa lagi Ahli Yang Berhormat, Encik Lim ada lagi? Tidak ada lagi, esok? Okey, terima kasih daripada golongan belia. Apa lagi pendapat tambahan, sila kirim kepada kami.

**Encik Lim Peng Hooi:** Terima kasih semua.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya setakat ini, itu sahaja yang telah memohon untuk didengar pada hari ini dan yang lain minta supaya hari esok pagi sampai petang.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Di sini ada satu isu, mungkin kita ada rakan-rakan media kita juga yang bersama kita. Mungkin mereka juga boleh berkongsi pandangan dan pendapat. *I mean* secara individu.

## ■1540

**Tuan Pengerusi:** Untuk hari esok, *actually* betulkah? Saya belum ada nampak senarai daripada pihak media mahupun persatuan wartawankah, ada seterusnya? Esok saya sedia maklum memang banyak ingin datang pada sebelah pagi tetapi sebelah petang mesti luas so, kalau persatuan wartawan itu, minta notislah kerana perlu memohon dan kalau ada memorandumkah untuk bahan rujukan bagi kami.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi pernyataan terima kasih setakat ini. Saya menerima sejumlah 12 buah persatuan dan juga individu yang telah berhadapan dengan kita untuk memberi maklumat-maklumat dan pandangan-pandangan serta saranan-saranan mereka dari segi bagaimana menambahbaikkan lagi sistem pilihan raya negara kita. Saya melihat bahawa banyak yang merangkumi dari segi perundangan, ada yang merangkumi dari segi proses pilihan raya sendiri, ada yang merangkumi dari segi perihal daftar pemilih, ada yang merangkumi perihal institusi SPR itu sendiri dan juga beberapa pandangan dari segi sistem alternatif yang kemungkinan boleh digunakan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat, Ahli-ahli Yang Berhormat serta juga semua agensi-agensi sokongan. Saya berharap bahawa agensi-agensi sokongan sambil memerhati telah mengambil catatan. Ada yang kita telah arah untuk memberikan maklumat pada hari esok seperti SPR dan juga pihak Kementerian Dalam Negeri dari segi meninjau mana-mana barangkali *mission* yang kita boleh panggil untuk memberi input mengenai dengan sistem undi pos mereka di negara masing-masing yang melibatkan rakyat mereka yang ada di Malaysia. Saya rasa itu sahaja pada hari ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu soalan. Semalam semasa kita bermesyuarat dengan JPN, kita ada minta data berkenaan warganegara asing. Ada data itu? Sama ada boleh dibekalkan hari ini? Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila bekal kepada setiausaha. Yang Berhormat Hulu Selangor? Yang Berhormat Kapit? Tiada. Yang Berhormat Alor Gajah? Yang Berhormat Kangar, terima kasih kerana mempengerusikan sebahagian sesi pada pagi tadi. Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Wangsa Maju *a bit quiet this afternoon, boringkah?... [Disampuk]* Dia *morning* aktif. Tidak adalah yang *boring*. Semuanya idea-idea yang - *of course*, Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat dan pasukan dan semua pegawai-pegawai yang memerhati bagi agensi masing-masing. Sekian, terima kasih. Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 9.30 pagi esok.

**Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.43 petang.**